

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KESAN TADBIR URUS KORPORAT, TANGGUNGJAWAB
SOSIAL KORPORAT DAN MODAL INTELEK KE ATAS
PRESTASI SYARIKAT TERSENARAI DI MALAYSIA**

OLEH

ABD RAZAK MINHAT



UUM
Universiti Utara Malaysia

**DISSERTASI
DOKTOR PENTADBIRAN PERNIAGAAN (DBA)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

2016

**KESAN TADBIR URUS KORPORAT, TANGGUNGJAWAB
SOSIAL KORPORAT DAN MODAL INTELEK KE ATAS
PRESTASI SYARIKAT TERSENARAI DI MALAYSIA**

OLEH



ABD RAZAK MINHAT

UUM
Universiti Utara Malaysia

**Dissertasi diserahkan kepada Sekolah Siswazah Othman Yeop
Abdullah, Universiti Utara Malaysia bagi memenuhi
sebahagian daripada syarat yang diperlukan oleh Doktor
Pentadbiran Perniagaan (DBA)**

2016



**OTHMAN YEOP ABDULLAH GRADUATE SCHOOL OF BUSINESS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)**

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

ABD. RAZAK BIN MINHAT

calon untuk Ijazah **DOCTOR OF BUSINESS ADMINISTRATION**
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**KESAN TADBIR URUS KORPORAT, TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
& MODAL INTELEK KE ATAS PRESTASI SYARIKAT TERSENARAI DI MALAYSIA**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada:

11 Ogos 2016.

(That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:

11 August 2016.

Pengerusi Viva : **Assoc. Prof. Dr. Nor Azila Mohd. Noor**
(Chairman for Viva)

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar : **Assoc. Prof. Dr. Abdullah Osman**
(External Examiner)

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam : **Assoc. Prof. Dr. Zuaini bt Ishak**
(Internal Examiner)

Tandatangan
(Signature)

Tarikh: **11 August 2016**
(Date)

Nama Pelajar
(Name of Student)

: Abd. Razak bin Minhat

Tajuk Tesis / Disertasi
(Title of the Thesis / Dissertation)


: Kesan Tadbir Urus Korporat, Tanggungjawab Sosial Korporat & Modal Intelek ke Atas Prestasi Syarikat Tersenarai di Malaysia

Program Pengajian
(Programme of Study)


: Doctor of Business Administration

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia
(Name of Supervisor/Supervisors)

: Assoc. Prof. Dr. Faudziah Hanim Hj. Fadzil



Assoc. Prof. Dr. Syed Soffian Syed Ismail




Tandatangan
(Signature)

Universiti Utara Malaysia

KEBENARAN MENGGUNA

Desertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan Doktor Falsafah Pentadbiran Perniagaan di Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan universiti mempamerkan sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibenarkan dengan kebenaran penyelia desertasi atau Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penulis. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika terdapat sebarang rujukan ke atas tesis ini.

Kebeneran untuk menyalin dan menggunakan desertasi ini sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui :



Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman

PENGHARGAAN

Alhamdulillahillalamin. Tiada daya dan upaya melainkan dengan izin dan kehendaknya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Profesor Madya Dr. Faudziah Hanim Hj. Fadzil dan Profesor Madya Dr. Syed Soffian Syed Ismail atas segala panduan, sokongan, nasihat, dorongan, dan kesabaran semasa menyempurnakan disertasi ini. Tunjuk ajar, pandangan dan bimbingan yang dihulurkan oleh kedua-dua orang penyelia saya sangat-sangat membantu kepada kejayaan disertasi ini. Saya amat menghargai keprehatinan dan kesabaran Profesor Madya Dr. Faudziah Hanim dan Profesor Madya Dr. Syed Soffian yang tidak putus-putus bertukar-tukar maklumat dan kepakaran dengan tenang, serta tidak pernah jemu-jemu tekun dan bersikap profesional dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Semangat kesabaran, ketelitian, minat terhadap kajian ini serta sokongan daripada beliau yang menyakinkan amat membantu untuk menyempurnakan disertasi ini.

Saya ingin merakamkan cinta kasih kekal abadi yang tidak terhingga kepada isteri tercinta, Hajjah Sarimah binti Abu Bakar serta kasih sayang dunia dan akhirat kepada kelima-lima anak-anak saya di atas segala pengorbanan, kesabaran dan dorongan mereka mengiringi saya mengharungi segala cabaran sepanjang tempoh pengajian ini.

Saya juga wajib menukilkan pada disertasi ini untuk Allahyarhamah bonda tercinta Hajjah Sakniah Hj Nordin dan ayahanda tersayang Hj Minhat bin Maalif yang semasa hidup mereka telah banyak berjasa dan sentiasa mendorong dan mendoakan agar saya berjaya bergelar sebagai seorang Doktor pada satu hari nanti.

Akhir sekali, khas kepada semua pensyarah, rakan-rakan sepengajian di dalam program Doktor Falsafah Perniagaan (UUM) yang sentiasa membantu, membimbing dan memberikan saya semangat serta motivasi untuk berjuang bersama-sama saya mengharungi cabaran-cabaran sepanjang pengajian ini. Semoga kita semua sentiasa dirahmati dan diberkati Allahsubhanawatalla.

ABSTRAK

Tanggungjawab sosial korporat dan tadbir urus korporat adalah penting di dalam meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti perniagaan. Modal intelek pula penting sebagai salah satu punca kekayaan ekonomi sesebuah syarikat. Oleh itu ia perlu diberi perhatian yang serius apabila merangka strategi syarikat. Tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek dianggap sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan untuk meningkatkan prestasi dan nilai syarikat. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji kesan tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek terhadap prestasi syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Prestasi syarikat diukur berdasarkan kepada pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti. Kajian kuantitatif ini menggunakan data sekunder sebagai alat kajian. Data diperolehi daripada Laporan Tahunan Syarikat terpilih bagi tahun 2014. Sebanyak 140 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia telah dipilih untuk dikaji. Syarikat dipilih berdasarkan sektor perniagaan. Hanya syarikat perlombongan dan pelaburan harta tanah dikecualikan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi, seperti analisis korelasi pearson dan ujian regresi berganda. Dapatan kajian menunjukkan nisbah pengaruh bebas dan dualiti menyumbang secara signifikan kepada ROA dan ROE. Modal intelek turut memberi kesan signifikan kepada ROA dan ROE. Akhir sekali, kajian mendapati bahawa tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek menerangkan sehingga 20 peratus kepada ROA dan 69 peratus kepada ROE. Dapatan kajian turut menyokong Teori Agensi dan Teori Berasaskan Sumber yang penting dalam penyelidikan prestasi syarikat. Dari segi praktikal, kajian ini menunjukkan kepentingan Pengarah Bebas dalam Lembaga Pengarah. Selain daripada itu, kajian turut mencadangkan syarikat untuk mendedahkan tanggungjawab sosial korporat yang boleh meningkatkan imej dan prestasi syarikat. Akhir sekali, kajian ini turut memberi implikasi yang penting kepada akademik.

Kata kunci: Prestasi Syarikat, Tadbir Urus Korporat, Tanggungjawab Sosial Korporat, Modal Intelek, Bursa Malaysia

ABSTRACT

Corporate social responsibility and corporate governance are important in improving transparency, accountability and business integrity. Intellectual capital is also important as a source of economic wealth of an organisation and therefore it should be given a serious consideration when formulating the company's strategy. Corporate governance, corporate social responsibility and intellectual capital are considered as part of the management strategies to improve the performance and value of the companies. This study was conducted to investigate the effect of corporate governance, corporate social responsibility and intellectual capital on the performance of public listed companies in Bursa Malaysia. Company's performance was measured using the return on assets and return on equity. This quantitative research employed the secondary data as a research tool. Data was obtained from the Company's Annual Report for the year of 2014. A total of 140 companies listed on Bursa Malaysia were selected to be studied. The companies were selected according to business sector. Only mine and properties investment companies were eliminated. Data were analysed using descriptive and inferential analyses, such as Pearson correlation and multiple regression analysis. The findings showed that there was significant effect of BOD independence and duality on ROA and ROE. Intellectual capital also gave a significant effect on ROA and ROE. Finally, the study found that corporate governance, corporate social responsibility and intellectual capital explained 20 percent of ROA and 69 percent on ROE. Research findings also support the Agency Theory and Resource Based Theory that were important in firm performance research. In term practical contributions, this study showed the importance of Independent Director in Board of Director. Other than that, the study also suggests the company to disclose their corporate social responsibilities that were important to increase company's image and performance. Lastly, this study also gives the significant implication to academics.

Keywords: Company's Performance, Corporate Governance, Corporate Social Responsibility, Intellectual Capital, Bursa Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

| | |
|-------------------------------------------------|-------------|
| <i>Kebenaran Mengguna</i> | <i>iii</i> |
| <i>Penghargaan</i> | <i>iv</i> |
| <i>Abstrak</i> | <i>v</i> |
| <i>Abstract</i> | <i>vi</i> |
| <i>Senarai Kandungan</i> | <i>vii</i> |
| <i>Senarai Jadual</i> | <i>xii</i> |
| <i>Senarai Rajah</i> | <i>xiii</i> |
| <i>Senarai Singkatan</i> | <i>xiv</i> |
| | |
| BAB SATU: PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 5 |
| 1.1.1 Tadbir Urus Korporat di Malaysia | 5 |
| 1.1.2 Tanggungjawab Sosial Korporat di Malaysia | 7 |
| 1.1.3 Modal Intelek di Malaysia | 11 |
| 1.2 Penyataan Masalah | 12 |
| 1.3 Soalan Kajian | 15 |
| 1.4 Objektif Kajian | 16 |
| 1.5 Skop Kajian | 16 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 16 |
| 1.6.1 Sumbangan kepada Teori | 17 |
| 1.6.2 Sumbangan kepada Industri | 18 |
| 1.7 Definisi Istilah | 20 |
| 1.8 Susun Atur Bab | 21 |

| | |
|-----------------------------------------------------------------------------|----|
| BAB DUA: KAJIAN LITERATUR | 23 |
| 2.0 Pengenalan | 23 |
| 2.1 Prestasi Syarikat | 23 |
| 2.1.1 Pulangan atas Aset (ROA) | 25 |
| 2.1.2 Pulangan atas Ekuiti (ROE) | 26 |
| 2.2 Tadbir Urus Korporat | 27 |
| 2.2.1 Kebebasan Lembaga Pengarah | 36 |
| 2.2.2 Pemisahan Peranan Pengerusi Lembaga Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif | 40 |
| 2.3 Tanggungjawab Sosial Korporat | 42 |
| 2.3.1 Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat | 46 |
| 2.4 Modal Intelek | 51 |
| 2.5 Teori Asas | 54 |
| 2.5.1 Teori Agensi | 55 |
| 2.5.2 Teori Pihak Berkepentingan | 57 |
| 2.5.3 Teori Berasaskan Sumber | 58 |
| 2.6 Ringkasan Literatur yang Menyokong Rangka Kerja Kajian | 59 |
| 2.7 Rumusan Bab | 63 |
| | |
| BAB TIGA: RANGKA KERJA KAJIAN DAN METODOLOGI | 64 |
| 3.0 Pengenalan | 64 |
| 3.1 Rangka Kerja Kajian | 66 |
| 3.2 Pembentukan Hipotesis | 67 |
| 3.2.1 Tadbir Urus Korporat dan Prestasi Syarikat | 68 |
| 3.2.1.1 Pengarah Bebas dan Prestasi Syarikat | 69 |

| | |
|-----------------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.2.1.2 Pemisahan Peranan Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif dan Prestasi Syarikat | 71 |
| 3.2.2 Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) dan Prestasi Syarikat | 72 |
| 3.2.2.1 Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat | 72 |
| 3.2.3 Modal Intelek dan Prestasi Syarikat | 74 |
| 3.3 Metodologi Kajian | 75 |
| 3.3.1 Rekabentuk Kajian | 75 |
| 3.3.2 Sampel dan Pengumpulan Data | 76 |
| 3.3.2.1 Sampel | 76 |
| 3.3.2.2 Teknik Persampelan | 76 |
| 3.3.2.3 Pengumpulan Data | 77 |
| 3.3.3 Unit Analisis | 77 |
| 3.3.4 Instrumen Kajian | 77 |
| 3.3.5 Definisi Operasi dan Pengukuran Pembolehubah | 78 |
| 3.3.5.1 Prestasi Syarikat | 78 |
| 3.3.5.2 Tadbir Urus Korporat | 79 |
| 3.3.5.3 Tanggungjawab Sosial Korporat | 79 |
| 3.3.5.4 Modal Intelek | 80 |
| 3.3.6 Kaedah Analisis Data | 82 |
| 3.3.6.1 Analisis Deskriptif | 82 |
| 3.3.6.2 Analisis Inferensi | 82 |
| 3.3.6.2.1 Analisis Korelasi | 82 |
| 3.3.6.2.2 Analisis Regresi Berganda | 83 |
| 3.4 Rumusan Bab | 84 |

| | |
|---------------------------------------------------------------------------------|-----|
| BAB EMPAT: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | 85 |
| 4.0 Pengenalan | 85 |
| 4.1 Latar Belakang Syarikat | 85 |
| 4.2 Analisis Deskriptif | 86 |
| 4.2.1 Prestasi Syarikat | 86 |
| 4.2.2 Tadbir Urus Korporat | 87 |
| 4.2.3 Tanggungjawab Sosial Korporat | 88 |
| 4.2.4 Modal Intelek | 89 |
| 4.3 Analisis Korelasi | 90 |
| 4.3.1 Pulangan atas Aset | 91 |
| 4.3.2 Pulangan atas Ekuiti | 91 |
| 4.4 Pengujian Hipotesis | 92 |
| 4.4.1 Analisis Regresi Berganda antara Pembolehubah Bebas Dan Prestasi Syarikat | 95 |
| 4.5 Rumusan Bab | 98 |
| BAB LIMA: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN | 100 |
| 5.0 Pengenalan | 100 |
| 5.1 Senarai Hasil Utama Kajian | 100 |
| 5.2 Perbincangan Hasil Kajian | 101 |
| 5.2.1 Hubungan antara ciri Tadbir Urus Korporat dan Prestasi Syarikat | 101 |
| 5.2.2 Hubungan Tanggungjawab Sosial Korporat dan Prestasi Syarikat | 103 |
| 5.2.3 Hubungan di antara Modal Intelek dan Prestasi Syarikat | 106 |
| 5.3 Implikasi Kajian | 107 |
| 5.3.1 Implikasi Teori | 108 |
| 5.3.2 Implikasi Praktikal | 109 |
| 5.4 Limitasi Kajian | 113 |

| | |
|--------------------------------------|-----|
| 5.5 Cadangan untuk Kajian Masa Depan | 115 |
| 5.6 Kesimpulan | 116 |
| Rujukan | 118 |
| Lampiran: | 149 |
| Lampiran 1: Senarai Syarikat | |
| Lampiran 2: Lembaran Kerja | |
| Lampiran 3: Output SPSS | |



SENARAI JADUAL

| | M/S |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Jadual 2.1: Ringkasan literatur penyelidikan berkaitan kesan tadbir urus korporat ke atas prestasi syarikat | 31 |
| Jadual 2.2 : Ringkasan kesusasteraan Menyokong Rangka Kerja Penyelidikan | 60 |
| Jadual 4.1: Latar Belakang Syarikat | 86 |
| Jadual 4.2: Analisis Deskriptif Prestasi Syarikat | 87 |
| Jadual 4.3: Analisis Deskriptif Nisbah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan Saiz Lembaga Pengarah | 87 |
| Jadual 4.4: Analisis Deskriptif Nisbah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | 88 |
| Jadual 4.5: Analisis Deskriptif Pembahagian peranan Ketua Pegawai Eksekutif | 88 |
| Jadual 4.6: Analisis Deskriptif Tanggungjawab Sosial Korporat | 89 |
| Jadual 4.7: Analisis Deskriptif Modal Intelektual | 89 |
| Jadual 4.8: Nilai Korelasi dan Kekuatan Hubungan | 90 |
| Jadual 4.9: Hubungan antara Pembolehubah Bebas dengan ROA | 91 |
| Jadual 4.10: Hubungan antara Pembolehubah Bebas dengan ROE | 92 |
| Jadual 4.11: Hubungan antara Pembolehubah Bebas dan ROA | 96 |
| Jadual 4.12: Hubungan antara Pembolehubah Bebas dan ROE | 96 |
| Jadual 4.13: Rumusan Pengujian Hipotesis | 98 |

SENARAI RAJAH

| | |
|------------------------------------------------------------------------------|----|
| Rajah 3.1: Rangka Kerja Kajian | 65 |
| Rajah 4.1: Scatterplot Standardized Residual bagi menguji Lineariti | 93 |
| Rajah 4.2: Scatterplot Studentized Regression bagi Ujian Kehomoskedestian | 94 |
| Rajah 4.3: Histogram bagi menguji Normaliti | 95 |



SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---------|---|----------------------------------------------------------------|
| AS | : | Amerika Syarikat |
| ASE | : | Bursa Saham Athens |
| ASEAN | : | Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara |
| BMB | : | Papan Utama Bursa Malaysia Berhad |
| BSKL | : | Bursa Saham Kuala Lumpur |
| CEO | : | Ketua Pegawai Eksekutif |
| EPS | : | Pendapatan sesaham |
| EVA | : | Tambahan nilai ekonomi |
| IC | : | Modal Intelek |
| KPDNHEP | : | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna |
| LSE | : | Bursa Saham London |
| MAS | : | Sistem Penerbangan Malaysia |
| MICG | : | Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia |
| MIM | : | Institut Pengurusan Malaysia |
| MKD | : | Menteri <u>Kewangan Diperbadankan</u> |
| MSWG | : | Penubuhan Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti |
| MVA | : | Tambahan nilai pasaran |
| MyIPO | : | Perbadanan Harta Intelek Malaysia |
| NSE | : | Bursa Saham Nigeria |
| NTE | : | Eksport Bukan Tradisional |
| OECD | : | Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan |
| PKFZ | : | Zon Bebas Pelabuhan Klang |
| ROA | : | Pulangan atas asset |
| ROE | : | Pulangan atas ekuiti |
| ROI | : | Pulangan ke atas pelaburan |
| TSK | : | Tanggungjawab sosial korporat |
| TUK | : | Tadbir urus korporat |
| UK | : | United Kingdom |
| VAIC | : | Tambah Nilai Modal Intelek |

BAB SATU

Pengenalan

1.0 Pengenalan

Prestasi syarikat adalah salah satu isu utama yang diketengahkan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan di dalam firma, termasuk pelabur, pemilik, pekerja dan pembekal (Guijarro, Auken & Garcia, 2007). Menurut penyelidik-penyelidik tersebut, firma prestasi yang kukuh akan membolehkan firma untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan kekayaan. Firma yang berprestasi rendah biasanya tidak kompetitif dan mengalami masalah kewangan (Brigham & Houston, 2004). Oleh itu, adalah penting bagi firma untuk mengkaji prestasi mereka dari semasa ke semasa secara kerap selaras dengan perubahan yang berterusan dalam persekitaran perniagaan (Najmi, Rigas & Fan, 2005).

Pengukuran prestasi akan memberi maklumat kepada firma untuk mengambil tindakan yang relevan dan mengubah strategi mereka untuk menjamin masa depan firma (Najmi et al., 2005; Hassan & Sami, 2015). Parker (2000) dan Hassan dan Sami (2015) menekankan beberapa faktor mengapa organisasi perlu mengukur prestasi; iaitu untuk mengenal pasti kejayaan firma, untuk menentukan sama ada terdapat peningkatan, untuk memahami proses, untuk mengenal pasti di mana masalah mungkin timbul dan tindakan yang perlu diambil untuk membetulkannya, untuk memenuhi keperluan pelanggan dan memastikan keputusan diambil adalah berdasarkan fakta.

Di antara fakta yang dikenal pasti bagi kajian ini ialah tadbir urus korporat, tanggungjawab social korporat dan model intelek. Tadbir urus korporat ialah satu set mekanisme yang diterima pakai untuk memastikan bahawa pengarah dan pengurus

membuat keputusan dan beroperasi demi kepentingan pihak berkepentingan (Lashgari, 2004). Mekanisme ini termasuklah proses, adat, dasar, undang-undang dan institusi yang mempengaruhi cara perbadanan dikawal, diarahkan, ditadbir atau dikawal. Menurut Mustapha dan Che Ahmad (2011), tadbir urus korporat adalah istilah yang sering digunakan untuk menggambarkan proses dan struktur dalam mengarah dan menguruskan aktiviti perniagaan syarikat bagi meningkatkan keuntungan pemegang saham.

Tadbir urus korporat termasuk juga perhubungan di kalangan pemegang saham yang terlibat dan matlamat yang dikawal oleh perbadanan. Pihak-pihak berkepentingan utama adalah pengurusan, pemegang saham, dan lembaga pengarah. Pihak-pihak lain yang berkepentingan terdiri daripada pelanggan, kakitangan, bank, pembekal, dan para peminjam yang lain, pengawal selia, alam sekitar dan masyarakat umum. Oleh itu, tadbir urus korporat boleh dianggap sebagai persekitaran amanah, etika, nilai moral dan keyakinan yang merupakan usaha sinergis semua komponen masyarakat iaitu pihak yang berkepentingan, termasuk kerajaan, orang awam, profesional, pembekal perkhidmatan dan sektor swasta (Aras & Crowther, 2008). Salah satu akibat daripada kebimbangan dengan tindakan sesebuah organisasi, dan akibat daripada tindakan-tindakan tersebut menyebabkan kebimbangan berkaitan tadbir urus korporat semakin meningkat (Hermalin, 2005).

Akibat daripada kegagalan korporat dan skandal perakaunan terkenal seperti Enron pada tahun 2001, MCI WorldCom pada tahun 2002, Xerox pada tahun 2002, Tyco pada tahun 2002, Parmalat pada tahun 2003, Lehman Brothers pada tahun 2008 dan Satyam pada tahun 2009 telah menekankan keperluan untuk mewujudkan sistem tadbir urus yang baik sebagai satu isu penting bagi semua negara. Di Malaysia,

landskap korporat telah dicatatkan oleh beberapa kes tadbir urus korporat yang tidak baik seperti Renong pada tahun 1997, Malaysia Airlines System (MAS) pada tahun 1999, Perwaja Steel pada tahun 2004, Transmile pada tahun 2007 dan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) pada tahun 2009. Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah untuk mengkaji semula dan mengukuhkan tadbir urus korporat di mana pada tahun 1998, Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG) telah ditubuhkan untuk meningkatkan amalan tadbir urus korporat di negara ini. Salah satu tanggungjawab utamanya adalah untuk membangunkan garis panduan amalan baik seperti syarikat-syarikat di negara-negara maju lain di seluruh dunia. Pada bulan Mac 2000, Jawatankuasa Kewangan Tadbir Urus Korporat yang telah dibentuk oleh MICG telah mengeluarkan Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat yang bertujuan untuk menyediakan garis panduan mengenai struktur dan proses yang boleh digunakan ke atas amalan tadbir urus korporat yang baik dalam amalan perniagaan mereka. Kod tadbir urus korporat secara umumnya adalah set prinsip sukarela, piawaian atau amalan terbaik yang berkaitan dengan tadbir urus dalaman perniagaan (Weil, Gotshal & Manges, 2002). Pada mulanya, kod tersebut telah diperkenalkan sebagai satu keperluan sukarela kepada syarikat-syarikat untuk digunakan sebagai panduan bagi memastikan dan meningkatkan tadbir urus korporat mereka. Walau bagaimanapun, pada bulan Januari 2001, ia telah diwajibkan bagi syarikat-syarikat untuk menerima pakai kod tersebut supaya dapat mewujudkan persekitaran yang menuntut standard perlakuan yang lebih tinggi dan pendedahan maklumat yang lebih berkualiti daripada syarikat-syarikat awam tersenarai dan lembaga pengarah mereka.

Terdapat minat yang mendalam dalam amalan tadbir urus korporat syarikat-syarikat moden sejak tahun 2001, terutamanya selepas keruntuhan firma Amerika Syarikat

yang besar dan berprofil tinggi seperti Enron dan MCI Worldcom. Pada tahun 2002, kerajaan persekutuan Amerika Syarikat telah meluluskan Akta Sarbanes-Oxley, yang bertujuan untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap tadbir urus korporat. Semenjak itu, kepentingan tadbir urus mula diberi perhatian yang lebih meluas di kebanyakan negara-negara di seluruh dunia. Beberapa laporan mengenai isu ini telah diterbitkan di Amerika Syarikat (AS), Perancis, United Kingdom (UK), Jepun, Australia, Rusia dan lain-lain negara lagi. Oleh itu, tadbir urus korporat adalah satu topik semasa yang hangat diperkatakan di seluruh dunia. Ia juga telah mencapai satu tahap kepentingan yang tinggi pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Tanggungjawab sosial korporat dan tadbir urus korporat adalah penting di dalam meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti perniagaan. Walaubagaimanapun, pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat dan tadbir urus korporat tidak boleh mendapat hasil yang segera tetapi kesannya adalah untuk jangka panjang. Ia adalah satu proses yang berterusan tetapi beransur-ansur yang dapat membantu syarikat-syarikat untuk menyusun operasi dan merancang strategi mereka untuk mengambil kira banyak faktor dan bukan hanya memberi tumpuan kepada keuntungan semata-mata. Contohnya, banyak syarikat lebih sensitif terhadap isu-isu seperti pengkelan pekerja dengan menjaga kesejahteraan emosi pekerja mereka dan bukan hanya sekadar memberi ganjaran kepada mereka dengan ganjaran material. Mereka juga berusaha keras untuk mematuhi standard persekitaran dan amalan terbaik yang lain yang berkaitan dengan isu alam sekitar yang kita hadapi hari ini dan juga untuk mendapatkan sokongan pengguna. Tanggungjawab sosial korporat ini adalah salah satu strategi syarikat yang boleh memberikan imej yang baik kepada syarikat pada pandangan pihak-pihak luar. Syarikat tersebut boleh memaksimumkan ekuiti pemegang saham, memakmurkan pemilik yang berkepentingan, meningkatkan

reputasi syarikat, dan meningkatkan daya maju jangka panjang syarikat dengan melakukan tanggungjawab sosial korporat. Selain tadbir urus syarikat dan tanggungjawab sosial korporat, modal intelek juga merupakan satu lagi strategi yang penting kerana ia adalah satu kelebihan daya saing dan terdapat bukti bahawa kejayaan perniagaan boleh dijelaskan sebahagiannya dengan modal intelek sesebuah syarikat (Hamzah & Ismail, 2008). Modal intelek adalah penting sebagai salah satu punca kekayaan ekonomi sesebuah organisasi dan oleh itu ia perlu diberi perhatian yang serius apabila merangka strategi firma (Bollen, Vergauwen & Schnieders, 2005). Modal intelek adalah aset tidak ketara strategik yang boleh mengubah sebuah firma nasional kepada kuasa multinasional dan transnasional korporat (Makki, Lodi & Rahman, 2008). Pertikaian telah berlaku di mana syarikat dalam ekonomi baru hari ini tidak melabur di dalam aset tetap, tetapi di dalam aset tidak ketara, kerana ini adalah pemandu utama nilai hari ini (Daum, 2001) dan modal intelek telah memainkan peranan yang penting di kalangan aset tidak ketara ini. Topik modal intelek telah menjadi lebih penting untuk syarikat hari ini kerana ilmu adalah salah satu aset utama di dalam sesebuah yang perniagaan moden dan kunci kepada daya saing (Striukova, Unerman, & Guthrie, 2008).

1.1. Latar Belakang Kajian

1.1.1. Tadbir Urus Korporat di Malaysia

Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Malaysia telah menggariskan dua nilai asas iaitu integriti dan kompetensi yang perlu diamalkan Anggota Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan)(MKD) bagi tadbir urus syarikat yang efektif. Beliau berkata

bahawa setiap anggota lembaga pengarah yang dilantik perlu memastikan tadbir urus syarikat adalah efektif dan berkesan sama ada untuk meraih keuntungan, bagi tujuan sosio ekonomi, atau memberi perkhidmatan yang lebih baik dan efisien semasa merasmikan majlis pelancaran Buku Garis Panduan Anggota Lembaga Pengarah Lantikan MKD di Kementerian Kewangan pada 16 Disember 2014.

Sebenarnya Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat, telah diperkenalkan pada bulan Mac 2000. Ia menandakan satu peristiwa penting di dalam pembaharuan tadbir urus korporat di Malaysia. Ia merangkumi prinsip-prinsip dan amalan terbaik tadbir urus yang baik dan juga mengoptimumkan struktur tadbir urus korporat dan proses dalaman. Sejak pengeluaran Kod tersebut, dunia korporat Malaysia telah mencapai satu kemajuan yang ketara di dalam standard tadbir urus korporat. Pelaporan mandatori dan pematuhan Kod telah membolehkan para pemegang saham dan orang ramai menilai dan menentukan standard tadbir urus korporat di kalangan syarikat-syarikat tersenarai. Kod Tadbir Urus Korporat di Malaysia menyatakan bahawa lembaga pengarah perlu mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang kukuh.

Ini membawa kepada penerbitan panduan mengenai Penyata Kawalan Dalaman pada Mei 2000. Pada 1 Oktober 2007, kod ini telah selesai disemak dan mula dikuatkuasakan. Semakan utama disasarkan untuk mengukuhkan peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah dan memastikan mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Seterusnya hasil utama Pelan Tindakan Tadbir 2011, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah menerbitkan Garis panduan ini menerangkan bidang-bidang utama yang perlu diberi perhatian oleh pengarah sebelum mereka membentangkan Penyata Kawalan Dalaman di dalam laporan tahunan syarikat mereka. Syarikat yang tersenarai perlu membentangkan Prinsip dan Amalan Terbaik

dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang berkaitan dengan kawalan dalaman seperti mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang bersesuaian untuk mengurus risiko di dalam laporan tahunan mereka.

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia juga mencadangkan bahawa lembaga pengarah melantik jawatankuasa untuk imbuhan dan pencalonan. Penubuhan jawatankuasa lain seperti jawatankuasa pengurusan risiko dan jawatankuasa tadbir urus korporat juga disyorkan. Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat juga menyarankan pemisahan tanggungjawab antara Pengerusi lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif (KPE). Suruhanjaya Sekuriti dan agensi-agensi kerajaan bersama-sama dengan syarikat-syarikat telah disaran untuk menilai semula kod tersebut untuk membawa rangka kerja tadbir urus korporat di negara ini supaya lebih sejajar dengan amalan terbaik semasa yang diterima di peringkat global.

1.1.2 Tanggungjawab Sosial Korporat di Malaysia

Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak (Timbalan Perdana Menteri pada masa itu) telah menyatakan pendirian beliau mengenai tanggungjawab sosial korporat di satu persidangan Tanggungjawab Sosial Korporat yang diadakan pada bulan Jun 2004 di Kuala Lumpur di mana beliau merujuk tanggungjawab sosial korporat sebagai "satu konsep di mana syarikat mengintegrasikan peranan sosial dan alam sekitar di dalam operasi perniagaan termasuk interaksi mereka dengan pihak-pihak berkepentingan secara sukarela". Dalam ucapan dasarnya di Persidangan Tanggungjawab Sosial Korporat tersebut, beliau juga telah menyatakan dengan jelas bahawa tanggungjawab sosial korporat membantu meningkatkan prestasi kewangan, meningkatkan imej dan

meningkatkan keupayaan untuk menarik dan mengekalkan tempat kerja yang terbaik, yang menyumbang kepada nilai pasaran syarikat.

Kerajaan Malaysia juga sedang aktif mempromosi tanggungjawab sosial korporat dalam perniagaan kerana syarikat-syarikat yang telah melaksanakan tanggungjawab sosial korporat mempunyai nilai pegangan saham yang lebih baik. Oleh itu, ia adalah satu keadaan yang menggalakkan untuk dilihat apabila kerajaan telah memasukkan beberapa langkah dan insentif dalam belanjawan baru-baru ini untuk menggalakkan syarikat-syarikat tersenarai awam untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat mereka. Selain pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat mereka, syarikat-syarikat di Malaysia juga sedang memberi perhatian teliti kepada kepentingan tadbir urus korporat yang baik. Mereka bukan sekadar mengamalkan tadbir urus korporat yang baik untuk mematuhi undang-undang tetapi juga sebagai salah satu cara untuk mendapatkan keyakinan para pemegang saham mereka. Oleh itu, pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat dan tadbir urus korporat yang baik di dalam syarikat akan membantu syarikat untuk menjadi lebih telus, beretika dan berkesan di dalam perniagaan mereka. Ini pasti akan menambah nilai dan daya tarikan kepada syarikat itu dan pada keseluruhannya ini juga akan meyakinkan para pemegang saham dan orang ramai.

Tumpuan kepada tanggungjawab sosial korporat di Malaysia juga telah meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini, selaras dengan trend antarabangsa (Lu & Castka, 2009). Walaupun beberapa syarikat telahpun mempunyai program tanggungjawab sosial korporat sejak bertahun-tahun dahulu dan di dalam beberapa kes beberapa dekad terdahulu, hanya sejak beberapa tahun akhir-akhir ini yang peningkatan terhadap kesedaran tanggungjawab sosial korporat dapat dirasai. Tumpuan kerajaan

Malaysia kini semakin meningkat apabila rangka kerja tanggungjawab sosial korporat yang baru telah dibangunkan bagi melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat untuk operasi perniagaan di negara ini. Inisiatif yang paling penting ialah "Buku Perak", yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi transformasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan pada September 2006, yang mengandungi garis panduan bagi Syarikat Berkaitan Kerajaan. Khazanah Nasional Berhad, pihak berkuasa yang mengurus pelaburan negara, mempunyai tanggungjawab untuk memantau syarikat-syarikat berkaitan kerajaan agar mereka melaksanakan langkah-langkah tanggungjawab sosial korporat mengikut rangka kerja tersebut.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan Malaysia telah menggubal beberapa undang-undang untuk membantu melindungi alam sekitar. Salah satu daripada undang-undang tersebut adalah berkaitan penilaian kesan alam sekitar, yang diwajibkan bagi semua projek-projek pembangunan utama (Mohd Nor, 2010). Kebanyakan syarikat-syarikat di Malaysia telah menerima pakai piawaian ISO 14001 Sistem Pengurusan Alam Sekitar (ACCA, 2002). Thevaraj (2002) menyatakan bahawa terdapat 367 syarikat Malaysia yang terlibat dengan pensijilan ISO 14001 dalam tempoh yang dikaji dan bahawa angka ini adalah antara kadar yang tertinggi yang ditemui di banyak negara maju dan membangun seperti Amerika Syarikat, Perancis, India dan China.

Prathaban dan Abdul Rahim (2005) menjalankan satu kajian terhadap tanggungjawab sosial korporat yang disasarkan ke atas 200 syarikat Malaysia berdasarkan perolehan dan menggunakan soal kaji selidik untuk mengumpul data. Oleh kerana mereka hanya menerima 12 maklumbalas, mereka telah menganalisis syarikat-syarikat yang lain dengan merujuk kepada laporan tahunan, surat khabar, majalah dan lain-lain

media. Walaupun terdapat keengganan beberapa syarikat untuk menzahirkan aktiviti tanggungjawab sosial korporat mereka, didapati bahawa, dalam tempoh 18 bulan bermula dari Julai 2003 hingga Disember 2004, kira-kira RM82.1 juta telah diberikan kepada pelbagai kebajikan masyarakat, program, rumah anak yatim dan golongan miskin. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat Malaysia adalah komited kepada tanggungjawab sosial korporat dari segi pemberian amal. Tiga penderma teratas telah menderma sebanyak RM30.5 juta, iaitu kira-kira 34.3 peratus daripada sumbangan, dan sepuluh syarikat telah menyumbang lebih 80 peratus daripada jumlah caruman. Berdasarkan sektor, syarikat telekomunikasi berada di tangga teratas dengan pemberian berjumlah RM19.6 juta. Ini diikuti rapat oleh sektor perbankan dan perkhidmatan kewangan. 17 syarikat pembinaan dan syarikat-syarikat berkaitan hartanah berada di kedudukan ketiga, dengan pemberian sebanyak RM10.9 juta. Walau bagaimanapun, Prathan dan Abdul Rahim (2005) juga membuat kesimpulan bahawa, secara purata, syarikat-syarikat telah membelanjakan hanya 0.31 peratus daripada jumlah keuntungan mereka kepada sumbangan amal tersebut. The Malaysian Institute of Management (MIM) dalam kajian yang dijalankan pada tahun 2009 mendapati bahawa 85 hingga 90 peratus daripada syarikat-syarikat multinasional, syarikat-syarikat tempatan yang besar dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan yang terlibat dalam aktiviti TSK, sementara perusahaan kecil dan sederhana hanya 58 peratus sahaja. Tiga perempat daripada responden mempunyai beberapa bentuk program tanggungjawab sosial korporat dan kira-kira separuh daripada satu perempat yang tinggal telah merancang untuk memulakan program pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, adalah diperhatikan bahawa kajian di atas telah dihantar kepada 2,000 syarikat, di mana hanya 110 yang memberi maklumbalas.

1.1.2 Modal Intelekt di Malaysia

Modal intelek adalah di antara satu sumber yang penting untuk kejayaan sesebuah organisasi di dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan (Kamath, 2007). Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Sunkut mengubah Malaysia daripada ekonomi didorong oleh input kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad Malaysia berkata: "Malaysia perlu memanfaatkan ekonomi berasaskan pengetahuan, di mana modal intelek menjadi faktor pertumbuhan utama. Oleh kerana itu, kepadatan repositori modal intelek yang tinggi adalah penting kepada kejayaan setiap negara (Shariffadeen, 2000).

Oleh kerana Malaysia sedang bergerak ke hadapan ke arah ekonomi yang berasaskan pengetahuan, terdapat peningkatan jumlah syarikat-syarikat berasaskan teknologi yang ditubuhkan di Malaysia. Sehingga Disember 2007, terdapat hampir dua ribu syarikat (1,994 syarikat) ditubuhkan di Koridor Raya Multimedia 2 Cyberjaya, yang menarik pelaburan asing dan domestik. Prestasi modal intelek (IC) ini adalah bergantung kepada kecekapan pelaburan di dalam sumber ketara dan tidak ketara yang ditumpukan kearah aktiviti yang meningkatkan nilai. Prestasi pelaburan modal intelek ini adalah penting kerana ia mempengaruhi kelebihan daya saing jangka panjang sesebuah syarikat.

Di Malaysia, pembangunan modal insan, pengayaan mentaliti dan keupayaan intelek negara adalah salah satu sektor yang disasarkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Modal intelek ditakrifkan sebagai aset tidak ketara termasuk teknologi, maklumat pelanggan, jenama, reputasi dan budaya korporat yang tidak ternilai kepada daya saing firma (Rendah & Kalafut, 2002). Oleh itu, modal intelek terdiri daripada (1) pengetahuan tersirat dan inovasi pekerja, (2) infrastruktur modal

manusia (sistem kerja yang baik, inovasi) dan proses peningkatan modal struktur dan; (3) hubungan luar firma itu (modal pelanggan). Ini adalah pemacu utama prestasi organisasi dan penciptaan kekayaan masa hadapan (Bontis, Keow & Richardson, 2000).

Malaysia juga telah melaksanakan beberapa langkah untuk melindungi hak harta intelek. Langkah-langkah telah diambil untuk mengurangkan cetak rompak dan pemalsuan dan pada bulan April 2007, Malaysia telah melancarkan Dasar Harta Intelek Negara, dengan tujuan untuk memaksimumkan sumbangan harta intelek bagi pembangunan sosio-ekonomi dan teknologi negara. Pada tahun yang sama, Mahkamah Harta Intelek telah ditubuhkan bagi mempercepatkan pendakwaan kes Hak Harta Intelek dan telah menjalankan sejumlah besar serbuan dan penyiasatan, yang membawa kepada rampasan barangan cetak rompak dan palsu. Agensi utama yang berurusan dengan perlindungan dan penguatkuasaan hak harta intelek di Malaysia adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang bekerjasama rapat dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), penjaga harta intelek negara.

1.2 Penyataan Masalah

Tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek dianggap sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan untuk meningkatkan prestasi dan nilai syarikat (Romano, 2004). Terdapat keperluan bagi tadbir urus korporat yang lebih baik di Malaysia sejak masalah rasuah semakin meningkat di Malaysia sejak sedekad yang lalu. Menurut Badan Ketelusan Antarabangsa, "Indeks Persepsi Rasuah", Malaysia jatuh lima belas tangga, dari tangga ke-32 ke tangga ke-47, dalam

tempoh tahun 1999 hingga 2008. Bagi tahun 2015 pula, kedudukan Malaysia terus jatuh sebanyak empat (4) kepada tangga 54 berbanding 50 pada tahun 2014 (Transparency International, 2016). Malaysia mencatatkan kedudukan kedua tertinggi dalam kalangan Negara-negara ASEAN.

Menurut Lu dan Castka (2009), prestasi syarikat-syarikat di Malaysia yang lemah adalah disebabkan antara lain, dengan amalan tadbir urus yang lemah. Berdasarkan statistik oleh Suruhanjaya Sekuriti, dari tahun 2000 hingga 2009, tiga puluh lapan (38) kes-kes jenayah yang melibatkan enam puluh enam (66) pengarah syarikat tersenarai awam yang telah bertindak secara tidak beretika telah diambil tindakan oleh Suruhanjaya Sekuriti (Suruhanjaya Sekuriti, 2010). Oleh itu, secara purata, Suruhanjaya Sekuriti telah mengambil tindakan ke atas empat (4) syarikat dan tujuh (7) pengarah berkaitan isu-isu tadbir urus korporat yang berkaitan setiap tahun.

Mekanisme tadbir urus korporat yang penting adalah Ahli Lembaga Pengarah (BOD) dan dualiti Lembaga Pengarah (Lei & Song, 2004). Menurut Lei dan Song (2004), disebabkan kawalan pasaran yang lemah terutamanya dalam Negara membangun, kedua-dua mekanisme ini memainkan peranan yang penting ke atas prestasi syarikat. Struktur BOD serta duality memberikan pengaruh yang kuat ke atas keputusan pengurus dan pengarah syarikat (Lemmon & Lins, 2003). Perkembangan literature dalam isu tadbir urus korporat kini menekankan kebimbangan mengenai struktur BOD dan peranan duality mereka (Society of Management Accountants of Canada, 2002; Nicholson and Kiel, 2004). Beberapa kajian turut hubungan yang positif antara struktur BOD dan dualiti dengan prestasi syarikat (Brown & Caylor, 2004; Judge and Zeithaml, 1992; Kula, 2005), yang menerangkan bahawa prestasi BOD dan duality yang baik amat diperlukan bagi meningkatkan prestasi syarikat (Chambers, 2002).

Bursa Malaysia juga telah menggesa syarikat-syarikat tersenarai awam untuk meningkatkan amalan tanggungjawab sosial korporat mereka dan menerima pakai pendekatan tanggungjawab sosial korporat yang lebih bersepadu dan holistik untuk kearah meningkatkan nilai dan prestasi firma. Bursa Malaysia telah ditauliahkan untuk menjalankan kajian berkaitan tanggungjawab sosial korporat untuk mengetahui status amalan tanggungjawab sosial korporat oleh syarikat-syarikat tersenarai awam di Malaysia pada tahun 2007. Laporan tanggungjawab sosial korporat (2007) telah mendedahkan penglibatan tanggungjawab sosial korporat oleh syarikat-syarikat tersenarai awam di Malaysia adalah rendah (Lidgreen & Swain, 2010). Kebanyakan syarikat adalah jauh di belakang amalan terbaik antarabangsa. Peratus sumbangan tanggungjawab sosial korporat bagi syarikat Malaysia hanya 0.31 peratus daripada pendapatan mereka (Saleh, Zulkifli & Muhamad, 2010) dan ini adalah masih rendah berbanding dengan negara-negara tertentu Kesatuan Eropah, yang menyumbang sekurang-kurangnya 1 peratus daripada keuntungan kepada masyarakat (Prathaban & Abdul Rahim, 2005). Oleh itu, terdapat keperluan untuk syarikat-syarikat di Malaysia meningkatkan amalan dan paras pendedahan tanggungjawab sosial korporat mereka. Syarikat perlu sedar bahawa masyarakat juga mempunyai kuasa untuk menamatkan lesen mereka untuk beroperasi (Janggu, Joseph & Madi, 2007). Berbanding dengan negara-negara Asia yang lain seperti Singapura, Thailand dan Korea Selatan, tanggungjawab sosial korporat di Malaysia masih ketinggalan jauh di belakang. Ini telah diketengahkan oleh Dato' Hj Sulaiman Hj Mohd Yusof, Timbalan Pengarah 1, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia (Accountant Today, 2006). Beliau menjelaskan bahawa terdapat keperluan untuk memperkenalkan sistem pelaporan sosial korporat untuk syarikat-syarikat. Beliau mencadangkan bahawa syarikat-syarikat patut memperkenalkan

laporan pendedahan sukarela berkaitan dengan aktiviti tanggungjawab sosial korporat mereka.

Bagi modal intelek, satu kajian empirikal mengenai prestasi modal intelek telah dijalankan oleh Bontis, William dan Richardson (2000), yang memberi tumpuan kepada hubungan di antara modal intelek dalam industri perkhidmatan dan bukan perkhidmatan di Malaysia. Kemudian, satu kajian lain telah dijalankan oleh Goh (2005), yang bertujuan untuk mengukur prestasi modal intelek bank perdagangan di Malaysia untuk tempoh 2001 hingga 2003. Walau bagaimanapun, kajian tentang kesan modal intelek kepada prestasi firma Malaysia masih kurang dan ia lebih cenderung untuk memberi tumpuan kepada sektor perbankan dan syarikat-syarikat yang berteknologi intensif. Hubungan antara modal intelek dan prestasi firma didapati berbeza di seluruh negara (Firer & Williams, 2003; Juma & Payne, 2004; Saenz & Garcia-Mecca, 2015; Wang & Chang, 2005). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana tadbir urus korporat syarikat-syarikat tersenarai di Malaysia, program tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek mereka; dan sama ada strategi-strategi ini boleh meningkatkan prestasi syarikat-syarikat berkenaan.

1.3 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menyelesaikan isu-isu berikut: -

- 1.4.1 Apakah kesan tadbir urus korporat keatas prestasi syarikat?
- 1.4.2 Apakah pengaruh tanggungjawab sosial korporat kepada prestasi syarikat?

1.4.3 Adakah modal intelek memberikan kesan ke atas prestasi syarikat?

1.5 Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian adalah seperti berikut:

1.5.1 Untuk melihat kesan tadbir urus korporat keatas prestasi syarikat.

1.5.2 Untuk mengenal pasti pengaruh pendedahan tanggungjawab sosial korporat terhadap prestasi syarikat.

1.5.3 Untuk mengesahkan kesan modal intelek terhadap prestasi syarikat.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini akan merangkumi syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad (BMB) bagi tahun 2014. Data diperolehi dalam kajian ini adalah melalui laporan tahunan syarikat tersenarai bagi tahun 2014, yang dikeluarkan pada tahun 2015. Pemilihan laporan tahunan yang dikeluarkan pada tahun 2015 merupakan laporan tahunan terkini semasa kajian ini dijalankan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan mengkaji hubungan di antara tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat modal intelek dengan prestasi syarikat. Keputusan yang dilaporkan di dalam kajian ini mungkin berguna dari segi amalan dan teoritikal kepada pengamal dan ahli akademik di Malaysia, dengan penyediaan data empirikal yang berkaitan

dengan suatu isu yang penting kepada pihak berkepentingan di dalam sesebuah syarikat. Pihak-pihak berkepentingan utama adalah para pemegang saham, pengurusan dan lembaga pengarah. Pihak-pihak berkepentingan lain termasuklah pekerja, pembekal, pelanggan, bank-bank dan para peminjam yang lain, pengawal selia, alam sekitar dan masyarakat umum.

1.7.1 Sumbangan kepada Teori

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan yang jelas di antara tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat, modal intelek dengan prestasi syarikat. Dari perspektif teori, kajian ini menyokong teori pihak yang berkepentingan. Tadbir urus korporat dan tanggungjawab sosial korporat menunjukkan trend anjakan dari konsep tradisional iaitu teori pemegang saham (Friedman, 1962) kepada satu konsep yang lebih luas yang merupakan teori pemegang amanah 'stakeholder' (Freeman, 1984). Kajian ini juga menyumbang kepada karya modal intelek negara-negara ASEAN di mana budaya, politik, ekonomi dan persekitaran sosial memberikan perspektif yang berbeza dan mencabar.

Kajian ini telah menyumbang kepada teori berasaskan sumber Teori ini menganggap Lembaga Pengarah sebagai platform sumber kerana mereka boleh mempengaruhi persekitaran organisasi (Carpenter & Westphal, 2001). Syarikat boleh mengeksploitasi Lembaga Pengarah sebagai satu platform sumber dalam melaksanakan strategi-strategi pembentukan nilai dan mewujudkan kelebihan yang mampan yang dijangka dapat meningkatkan prestasi syarikat (Barney, 1991). Dapatan kajian ini menekankan betapa pentingnya peranan modal intelek dalam mendapat kelebihan daya saing dalam ekonomi berasaskan pengetahuan.

Kajian ini turut menyumbang kepada teori pihak berkepentingan. Teori ini membayangkan bahawa sebuah syarikat memiliki tanggungjawab bukan sahaja kepada para pemegang saham dan pihak berkepentingan tetapi mereka juga perlu memberi tumpuan kepada seluruh masyarakat. Tema penzahiran tanggungjawab sosial korporat seperti tempat kerja, pasaran, komuniti dan alam sekitar adalah juga konsisten dengan pandangan teori pihak berkepentingan yang mencadangkan bahawa hubungan pihak berkepentingan termasuk semua bentuk hubungan syarikat dengan pihak berkepentingan, iaitu pekerja, pelanggan, pembekal dan masyarakat.

1.7.2 Sumbangan kepada Industri

Penemuan daripada kajian ini boleh memberi manfaat kepada pihak pengurusan di dalam meneroka dan memahami bagaimana tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat, modal intelek boleh meningkatkan prestasi syarikat mereka dan juga memberi manfaat kepada pihak yang berkepentingan dan pemegang saham. Lembaga pengarah perlu memberi sepenuh perhatian kepada kepentingan pemegang saham, dan kepentingan pihak berkepentingan yang lain seperti pekerja, pelanggan, pembekal, dan masyarakat (Sato, 2004). Hasil daripada kajian ini akan memberikan maklumat kepada badan-badan kawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan Bank Negara untuk menyokong dan mengkaji beberapa aspek tadbir urus korporat untuk meningkatkan prestasi syarikat dan melindungi pelbagai pemegang saham dan pihak yang berkepentingan. Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan pemikiran lembaga pengarah dan pengurusan atasan untuk menerima pakai atau meningkatkan tadbir urus mereka yang sedia ada.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa strategi tanggungjawab sosial korporat dan aktiviti boleh berpotensi membawa kepada prestasi syarikat yang kukuh. Keputusan ini boleh menggalakkan syarikat-syarikat awam untuk mendedahkan aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat mereka kerana pendedahan ini memberi kesan yang positif terhadap prestasi mereka. Pendedahan aktiviti sosial di dalam Laporan Tahunan juga adalah satu alat dan cara komunikasi kepada etika korporat kepada pemegang saham mereka kerana tanggungjawab sosial korporat merupakan salah satu ungkapan yang paling nyata di bawah etika syarikat. Aktiviti tanggungjawab sosial perlu didedahkan kepada semua pihak yang berkepentingan untuk membolehkan mereka membuat keputusan bagi masa hadapan syarikat. Pendedahan ini boleh digunakan sebagai salah satu cara untuk mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti perniagaan dan operasi mereka. Sekiranya syarikat berjaya melaksanakan tanggungjawab sosial korporat, maka ini bermakna bahawa prinsip-prinsip tanggungjawab sosial korporat telah tertanam sebagai sebahagian daripada nilai-nilai syarikat dan perancangan strategik, dan juga pihak pengurusan dan pekerja adalah komited kepada syarikat. Selain itu, ia adalah penting bahawa strategi tanggungjawab sosial korporat yang adalah sejajar dengan objektif korporat syarikat tertentu.

Kerajaan Malaysia telah memberikan tekanan ke atas syarikat-syarikat terlibat dalam tanggungjawab sosial korporat. Tekanan yang tinggi ini telah menyebabkan syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti sosial yang mengemukakan aktiviti mereka dalam Laporan Tahunan. Dengan ini masyarakat menganggap bahawa syarikat-syarikat akan menyumbang kepada penambahbaikan rakyat dari segi peluang pekerjaan dan sumbangan amal. Oleh yang demikian, adalah perlu untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat dan seterusnya

mendedahkannya kerana terdapat banyak manfaat untuk berbuat demikian di samping peningkatan prestasi seperti reputasi syarikat yang lebih baik, meningkatkan kesetiaan pelanggan dan sokongan pemegang saham (termasuk pelabur), yang seterusnya meningkatkan prestasi syarikat. Di samping itu, dapatan juga memberikan pemahaman kepada badan-badan kawal selia dalam meningkatkan usaha mereka untuk meningkatkan pendedahan aktiviti tanggungjawab sosial korporat.

1.8 Definisi Istilah

Untuk tujuan kajian penyelidikan ini, istilah-istilah berikut akan digunakan:

1. Indeks pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat: Kajian ini mentakrifkan indeks pendedahan tanggungjawab sosial korporat sebagai tahap pendedahan oleh syarikat berkaitan aktiviti tanggungjawab sosial korporat mereka berdasarkan analisis kandungan laporan tahunan syarikat (Darwin, 2006).
2. Kadar pengarah bebas: Kajian ini akan menggunakan takrif "pengarah bebas" di bawah Bab 1 Syarat-syarat Penyenaiaan Bursa Malaysia yang merujuk kepada kebebasan daripada pihak pengurusan dan kebebasan daripada pemegang saham utama (Abdullah, 2004).
3. Modal intelek: Kajian ini akan menggunakan definisi CIMA (2003) iaitu "pengetahuan, pengalaman, teknologi organisasi, hubungan pelanggan dan kemahiran profesional yang berdaya saing dalam pasaran".
4. Nilai tambah modal intelek : Ini merujuk kepada indeks yang mengukur tahap modal intelek syarikat dari segi nilai kecekapan; dipelopori oleh Pulic (1998).

5. Pemisahan peranan Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif: Pemisahan peranan wujud apabila peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga dipisahkan (Abdullah, 2004).
6. Prestasi syarikat: Kajian ini mentakrifkan prestasi syarikat pada tahap pulangan ke atas aset (ROA) dan pulangan ke atas ekuiti (ROE) kerana ia cuba untuk menganalisis penggunaan aset perniagaan dan ekuiti dalam memperolehi pulangan yang baik (Jaakkola, 2006, Nixon & Stuoberl, 2011).
7. Tadbir Urus Korporat: Kajian ini akan menggunakan definisi Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD, 2004) iaitu "satu set hubungan antara pengurusan syarikat, lembaga, pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain."
8. Tanggungjawab Sosial Korporat: Kajian ini akan menggunakan definisi Bursa Malaysia (2006) iaitu "amalan perniagaan yang terbuka dan telus berdasarkan nilai-nilai etika dan menghormati masyarakat, pekerja, alam sekitar, pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain".

1.9 Susun Atur Bab

Hasil kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab Satu memberikan latarbelakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi istilah dan organisasi kajian.

Bab Dua mengandungi kajian literatur yang berkaitan dengan kajian ini. Kajian yang dibentangkan dalam bab ini termasuk literatur dan perbincangan mengenai pembolehubah bersandar dan tidak bersandar.

Bab Tiga menerangkan rangka kerja kajian dan metodologi yang digunakan di dalam kajian ini. Hipotesis, reka bentuk kajian, sampel dan pengumpulan data, instrumen kajian, definisi operasi dan pengukuran pembolehubah, kaedah analisis data juga dibincangkan di dalam bab ini.

Bab Empat membincangkan dapatan kajian berdasarkan analisis 140 buah syarikat. Perbincangan merangkumi latarbelakang syarikat, analisis deskriptif, ujian perhubungan dan pengujian hipotesis.

Akhir sekali, Bab Lima merupakan perbincangan, cadangan dan rumusan. Laporan dalam bab ini merangkumi perbincangan dapatan kajian, implikasi dan limitasi kajian, cadangan dan rumusan.



BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab ini membentangkan gambaran keseluruhan literatur yang berkaitan dengan topik yang sedang dikaji iaitu kesan tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek dengan prestasi syarikat.

2.1 Prestasi Syarikat

Prestasi sesebuah syarikat adalah dinilai dengan kejayaan atau kedudukan pasaran yang dicapai (Hooley, Greenley, Fahy & Cadogan, 2001). Menurut Jaakkola (2006), prestasi syarikat boleh ditentukan dengan pelbagai cara dan ia terdiri sekurang-kurangnya daripada prestasi kewangan, prestasi pasaran atau prestasi keseluruhan. Istilah prestasi syarikat secara lazimnya merujuk kepada prestasi syarikat secara umum manakala prestasi kewangan secara literal merujuk kepada kriteria-kriteria prestasi kewangan, seperti margin keuntungan dan pulangan ke atas pelaburan (ROI) (Jaakkola, 2006). Menurut Abu Jarad, Yusof dan Nikbin (2010), kebanyakan kajian telah mendapati bahawa syarikat yang berbeza di negara-negara yang berbeza akan cenderung untuk memberi kriteria penilaian prestasi yang berbeza. Beberapa literatur telah mencadangkan keuntungan kewangan dan pertumbuhan syarikat sebagai kriteria –kriteria yang paling lazim digunakan untuk menilai prestasi syarikat.

Ramai penyelidik telah bergantung kepada kriteria-kriteria prestasi yang subjektif untuk sesebuah firma seperti dari segi kejayaan produk, jualan dan pertumbuhan syer pasaran, keuntungan berbanding dengan unjuran mereka (Appiah-Dilema & Singh,

1998; Pelham & Wilson, 1996, Maury, 2006) atau pesaing utama mereka (Siu, 2000; Majid & Abdul Rahman, 2015). Terdapat pula penyelidik yang lain menggunakan kriteria-kriteria prestasi yang objektif dari segi perolehan, keuntungan, dan jualan eksport, produktiviti, kecekapan penyelenggaraan, penghantaran yang tepat pada masa, “lead time”, penggunaan kapasiti, dan kualiti (Hvolby & Thorstenson, 2001, Bryson et al., 1999, Lind, Sepulveda, & Nunez, 2000). Penggunaan piawai-piawai prestasi yang objektif seperti itu adalah cara yang paling mudah untuk menilai prestasi sesebuah syarikat. Prestasi syarikat juga boleh diukur dengan menggunakan kriteria-kriteria prestasi jangka panjang seperti prestasi pasaran dan prestasi yang bukan berorientasikan pasaran ataupun kriteria-kriteria jangka pendek. Beberapa contoh piawai yang boleh digunakan termasuklah tambahan nilai pasaran (MVA), tambahan nilai ekonomi (EVA), pertumbuhan aliran tunai, pendapatan sesaham (EPS), pertumbuhan aset, pertumbuhan dividen, dan pertumbuhan jualan (Abdullah, 2004; Coles, McWilliams & Sen, 2001).

Walaupun bagaimanapun, kajian ini akan menggunakan pulangan ke atas aset (ROA) dan pulangan ke atas ekuiti (ROE) sebagai proksi untuk menilai prestasi syarikat sebagaimana yang digunakan oleh Dehaene, De Vuyst dan Ooghe (2001) dalam kajian mereka ke atas syarikat-syarikat di Belgium. Brown dan Caylor (2005) juga menggunakan ROA dan ROE sebagai ukuran dalam menilai prestasi syarikat dalam kajian mereka. Dalam mengukur prestasi, kriteria penilaian firma iaitu pulangan ke atas ekuiti (ROE) dan pulangan ke atas aset (ROA), menggunakan keuntungan sebelum faedah dan cukai kerana ia menunjukkan prestasi sebenar syarikat sebagai pembolehubah bersandar. ROA dan ROE juga digunakan untuk mencapai keputusan yang sejajar dengan kajian-kajian yang lepas (Randy & Jenssen, 2004; Weigand, 2000).

2.1.1 Pulangan atas Aset (ROA)

ROA adalah ukuran prestasi operasi, yang menunjukkan pendapatan firma yang telah dijana daripada aset modal yang dilaburkan (Epps & Cereola, 2008, Joo, Nixon & Stuoberl, 2011). ROA dalam kajian ini ditakrifkan sebagai pendapatan sebelum perkara luar biasa bagi tempoh fiskal dibahagikan dengan jumlah aset bagi tempoh yang sama. ROA juga digunakan untuk mengukur pendapatan bersih bagi setiap ringgit purata aset (Rosly & Bakar, 2003). Semakin tinggi nisbah pendapatan bersih bagi setiap ringgit purata aset, semakin tinggi nilai ROA dan sebaliknya. Sebagai contoh, ROA sebanyak 20% menunjukkan bahawa syarikat itu memperoleh ringgit RM 0.20 bagi setiap RM 1.00 yang dibelanjakan untuk aset. Jika pendapatan syarikat meningkat kepada RM0.30 bagi setiap RM 1.00 yang dibelanjakan untuk aset, maka ROA yang baru ialah 30%.

ROA dipilih sebagai ukuran yang bersandar kepada prestasi kewangan kerana ia adalah ukuran yang paling konsisten dari segi keuntungan keseluruhan berdasarkan kepada literatur dan ia juga kurang sensitif terhadap struktur modal firma (Gou & Wang, 2016). Sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan di dalam gaya pentadbiran pengurusan, nilai-nilai, pengalaman, dan faktor-faktor lain di antara mana-mana syarikat, maka perbezaan ini akan dicerminkan dalam piawai ROA ini (Halliman, 1998). Pengurus bertanggungjawab secara langsung terhadap operasi perniagaan dan penggunaan aset firma. Oleh itu, ROA membolehkan pihak-pihak berkepentingan untuk menilai sejauh mana sistem tadbir urus korporat dapat meningkatkan prestasi firma dari segi kecekapan pentadbiran (Epps & Cereola, 2008).

2.1.2 Pulangan atas Ekuiti (ROE)

Ini adalah nisbah bersih pendapatan iaitu pendapatan yang boleh diagihkan kepada pemegang saham biasa. Ia adalah ukuran prestasi syarikat dari perspektif pemegang saham. Dengan kata lain, ROE adalah kadar pulangan yang dipulangkan kepada pemegang saham. Ia adalah pendapatan bersih yang diterima oleh pemegang saham hasil daripada pelaburan modal mereka di dalam sesebuah syarikat. Ia merupakan kompensasi kepada pemegang saham yang menanggung risiko kehilangan modal mereka dengan harapan untuk memperoleh keuntungan yang lebih baik. Dengan meletakkan modal mereka pada risiko, pemegang saham berhak untuk mendapatkan pulangan, yang ditentukan oleh kecekapan pengurusan, termasuk kecekapan dalam pengurusan cukai, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset dan dana (Rosly & Zaini, 2008).

Adalah penting dalam pengiraan ROE untuk menggunakan keuntungan bagi pemegang saham biasa, yang merupakan keuntungan selepas cukai dan selepas caj faedah (Weetman, 2003). Ini adalah kerana salah satu sebab utama untuk menubuhkan sesebuah syarikat adalah untuk menjana pendapatan untuk faedah para pemegang saham biasa (Epps & Cereola, 2008). ROE dalam kajian ini ditakrifkan sebagai keuntungan selepas cukai dan caj faedah dan perkara-perkara yang luar biasa yang ada untuk ekuiti biasa dibahagikan dengan jumlah nilai buku ekuiti dan cukai tertunda (Epps & Cereola, 2008). Menurut Callaghan (2005), secara amnya, syarikat-syarikat berusaha untuk mencapai ROE yang lebih besar kerana ROE dianggap sebagai suatu ukuran kecekapan syarikat secara keseluruhan dan ia menggabungkan tiga nisbah utama kewangan: pendapatan atau pendapatan bersih/pendapatan (margin keuntungan), hasil/aset (perolehan aset), dan aset/ekuiti pemegang saham (umpilan).

2.2 Tadbir Urus Korporat

Konsep tadbir urus korporat adalah berkaitan dengan proses di mana organisasi diurus dan dikawal, yang memerlukan keseimbangan di antara tanggungjawab kepada pelbagai pihak yang berkepentingan dan masyarakat keseluruhannya untuk mencapai objektif ekonomi organisasi (Bonn & Fisher, 2005). Tadbir urus korporat boleh ditakrifkan sebagai "satu set mekanisme yang menggalakkan pengurusan syarikat untuk membuat keputusan yang akan memaksimumkan nilai syarikat itu kepada pemiliknya" (Denis & McConnell, 2003). Silva, Karangbendo, Alves, Cunha dan Monteiro (2006) menganggap bahawa tadbir urus korporat adalah terdiri daripada semua mekanisme yang berkaitan dengan definisi dan memenuhi matlamat korporat. Satu objektif utama tadbir urus korporat adalah untuk memantau tingkah laku pihak berkepentingan yang berlainan dan untuk mengurangkan kos agensi yang berkaitan dengan hubungan prinsipal dan ejen (Lashgari, 2004; Marnet, 2005; Xu, Niu & Qiu, 2012; Runhui, Jianhong, Yang, Hongjuan & Rujing, 2011). Arora dan Sharma (2016) telah mengkaji syarikat-syarikat dalam kalangan 20 industri terpenting di India. Mereka mendapati, saiz Lembaga Pengarah yang besar, lebih cenderung memberikan kelebihan kepada kebijaksanaan Lembaga Pengarah terutamanya kepada pembuatan keputusan, seterusnya memberi kesan ke atas peningkatan prestasi kewangan syarikat. Bagaimanapun, Arora dan Sharma (2016) mendapati dualiti tidak memainkan peranan yang signifikan ke atas prestasi syarikat, terutamanya ke atas ROE.

Pembangunan tadbir urus korporat di Malaysia sedekad yang lalu boleh diringkaskan seperti berikut (Said, Zainuddin & Haron, 2009):

- Seksyen 334 daripada syarat penyenaian BSKL mewajibkan semua syarikat yang tersenarai untuk menubuhkan jawatankuasa audit berkuatkuasa pada 1 Ogos 1994.
- Penubuhan Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG) pada 10 Mac 1998 sebagai syarikat awam berhad dengan jaminan di bawah Akta Syarikat 1965.
- Pada 24 Mac 1998, kerajaan mengumumkan di Parlimen bahawa jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tinggi, akan menentukan rangka kerja tadbir urus korporat dan menetapkan amalan-amalan baik untuk industri.
- Suruhanjaya Sekuriti telah diberi kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan tadbir urus korporat untuk memastikan ia dipatuhi.
- Jawatankuasa Kewangan Tadbir urus Korporat telah menerbitkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia pada Januari 2001. Kod ini menggariskan prinsip-prinsip dan amalan yang baik untuk struktur dan proses yang akan digunakan oleh firma.
- Keperluan Penyenaian BSKL telah mendedikasikan satu bab khusus membincangkan amalan tadbir urus korporat pada Januari 2001.
- Penubuhan Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada 2 Julai 2001 di bawah Akta Syarikat 1965, dengan objektif untuk meningkatkan aktiviti di kalangan pemegang saham minoriti (Nasir, 2003).

Kod Malaysia mengenai Kod Tadbir Urus Korporat adalah asas utama agenda pembaharuan tadbir urus pembaharuan korporat di Malaysia. Ia menyediakan garis panduan, prinsip-prinsip dan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat. Tadbir urus

korporat memainkan peranan penting dalam prestasi syarikat kerana ia membantu untuk mengawal prestasi organisasi itu dalam operasi perniagaan. Bagi memastikan akauntabiliti kepada pemegang saham, MCCG (2011) mengesyorkan bahawa lembaga pengarah syarikat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang atau satu pertiga (yang mana lebih tinggi) daripada jumlah pengarah bebas. MCCG (2011) juga mencadangkan pemisahan peranan pengerusi dan ketua pegawai eksekutif bagi memastikan keseimbangan kuasa kedua-dua jawatan dan juga untuk mengelakkan konflik kepentingan.

Kajian kesan tadbir urus korporat kepada prestasi syarikat-syarikat di Malaysia telah gagal menghasilkan keputusan yang jelas. Ghazali (2010) dalam kajiannya terhadap 87 syarikat bukan kewangan yang disenaraikan dalam indeks komposit di Malaysia mendapati bahawa tiada satu pun pembolehubah tadbir urus korporat adalah signifikan dalam menjelaskan prestasi korporat. Abidin, Kamal dan Jusoff (2009) dalam kajian mereka yang menilai 75 syarikat mendapati bahawa penekanan terhadap kepentingan lembaga pengarah bebas selaras dengan Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat (MCCG, 2011) dan dengan syarat penyenaian Bursa Malaysia adalah dianggap berkaitan dengan prestasi korporat jangka panjang. Haat, Rahman, Mahenthiran (2008) dalam kajian mereka yang menggunakan kaedah persampelan, di mana 142 firma di Malaysia dipilih, mendapati bahawa faktor-faktor tadbir urus korporat mempunyai pengaruh yang kuat dalam meramalkan prestasi syarikat. Ponnu (2008) dalam kajian beliau terhadap 100 syarikat Bursa Malaysia, yang terdiri daripada 30 syarikat besar dan 70 syarikat bersaiz sederhana di Malaysia mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara struktur tadbir urus korporat dan prestasi syarikat.

Koufopoulos, Zoumbos, Argyropoulou dan Motwani (2008) di dalam kajian ke atas 27 syarikat di Greece yang disenaraikan dalam Bursa Saham Athens (ASE) mendapati bahawa hanya saiz lembaga pengarah mempunyai pengaruh positif dengan prestasi syarikat. Walaubagaimanapun, keputusan ini adalah tidak signifikan secara statistik. Uadiale (2010) di dalam kajian ke atas 30 syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Nigeria (NSE) mendapati terdapat hubungan negatif antara Pulangan atas Ekuiti (ROE) yang digunakan sebagai proksi untuk menilai prestasi syarikat dengan dualiti fungsi Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif. Sanda, Mikailu dan Garba (2005) di dalam kajian terhadap 93 firma di Bursa Saham Nigeria mendapati hubungan positif antara prestasi syarikat dengan pemisahan fungsi ketua pegawai eksekutif dan pengerusi. Walau bagaimanapun, Leng dan Mansor (2005) di dalam kajian terhadap 120 syarikat tersenarai di Malaysia dalam tempoh empat (4) tahun dari 1996 hingga ke 1999 mendapati bahawa CEO yang merangkap jawatan pengerusi lembaga pengarah memberikan kesan positif kepada prestasi syarikat. Secara keseluruhan, hanya dua faktor tadbir urus korporat penting yang dikenal pasti iaitu kebebasan lembaga pengarah dan dualiti tugas ketua pegawai eksekutif dan pengerusi. Ringkasan literatur kajian di atas boleh didapati di Jadual 2.1. Ringkasan literature menunjukkan rujukan dari tahun 2001 (Dehaene et al., 2001) hingga tahun 2016 (Arora & Sharma, 2016). Arora dan Sharma (2016) mendapati saiz Lembaga Pengarah memberi kesan yang besar ke atas prestasi. Kajian ini disokong oleh Arifa dan Taurringana (2015), Tuan (2015), Runhui et al. (2011) Abidin, Kamal dan Jusoff (2009).

Jadual 2.1:

Ringkasan Literatur Penyelidikan Berkaitan Kesan Tadbir Urus Korporat ke Atas Prestasi Syarikat

| No. | Pengarang | Responden yang digunakan | Lokasi | Pembolehkan Bebas / Unsur-unsur | Pembolehkan Bergantung | Penemuan |
|-----|----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Arora & Sharma (2016) | Syarikat meliputi 20 industri penting antara 2001-2010 | India | <ul style="list-style-type: none"> • Saiz Lembaga Pengarah • Dualiti • Kebebasan Lembaga Pengarah | Prestasi Syarikat | Saiz Lembaga Pengarah yang besar memberi kesan yang besar ke atas prestasi. Namun dualiti tidak mempengaruhi prestasi. |
| 2 | Afrifa & Tauringana (2015) | 234 PKS dalam pasaran pelaburan alternatif | UK | <ul style="list-style-type: none"> • Saiz lembaga pengarah • Umur CEO • Ganjaran Pengarah | Prestasi Syarikat | bagi semua PKS semua faktor menunjukkan hubungan yang signifikan dengan prestasi PKS |
| 3 | Tuan (2014) | 1163 pengurus pertengahan dalam kalangan syarikat tersenarai di Vietnam | Vietnam | <ul style="list-style-type: none"> • Saiz lembaga pengarah • Kebebasan lembaga pengarah | Prestasi syarikat | Menunjukkan kesan dan pengaruh yang kuat terhadap prestasi syarikat. |
| 4 | Runhui et al. (2011) | Syarikat Telekomunikasi di Cina | Cina | <ul style="list-style-type: none"> • Persekitaran tadbir urus korporat • Tingkah laku tadbir urus korporat | Prestasi syarikat | persekitaran dan tingkah laku tadbir urus korporat memainkan pengaruh yang aktif ke atas prestasi. |
| 5 | Ghazali (2010) | Menggunakan data dari tahun 2001 laporan tahunan daripada 87 syarikat bukan kewangan yang disenaraikan dalam indeks komposit | Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> • Saiz lembaga pengarah • Kebebasan lembaga pengarah | Prestasi syarikat | Tiada seorang pun daripada pembolehkan tadbir urus korporat adalah signifikan dalam menjelaskan prestasi korporat. |

Jadual 2.1 (Sambungan)

| No. | Pengarang | Responden yang digunakan | Lokasi | Pembolehkan Bebas / Unsur-unsur | Pembolehkan Bergantung | Penemuan |
|-----|-----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6 | Reddy, Locke, & Scrimgeour (2010) | 50 syarikat utama dalam tempoh 1999-2007 | New Zealand | <ul style="list-style-type: none"> • Struktur Lembaga • Kebebasan lembaga pengarah • Saiz lembaga pengarah | Prestasi syarikat | Keputusan menunjukkan bahawa kebebasan dan saiz lembaga pengarah tidak mempunyai apa-apa kesan yang ketara ke atas prestasi syarikat. |
| 7 | Uadiale (2010) | 30 syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Nigeria (NSE). | Nigeria | <ul style="list-style-type: none"> • Dualiti tugas Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus (Ketua Pegawai Eksekutif juga memainkan peranan sebagai pengerusi lembaga pengarah). | Prestasi syarikat | Kajian ini mendedahkan hubungan negatif antara Pulangan atas Ekuiti (ROE) dengan dualiti tugas Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi |
| 8 | Abidin, Kamal & Jusoff (2009) | Menggunakan data dari tahun 2003 laporan tahunan daripada 75 syarikat yang tersenarai di papan utama Bursa Malaysia, yang dipilih secara rawak. | Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> • Kebebasan lembaga pengarah | Prestasi syarikat | Hasilnya menunjukkan bahawa penekanan tentang kepentingan lembaga pengarah adalah berkaitan dengan prestasi korporat jangka panjang. |
| | | Firma berkaitan industri perkhidmatan kewangan dan syarikat-syarikat utiliti yang dikawal selia adalah dikecualikan. | | | | |

Jadual 2.1 (Sambungan)

| No. | Pengarang | Responden yang digunakan | Lokasi | Pembolehubah Bebas / Unsur-unsur | Pembolehubah Bergantung | Penemuan |
|-----|-----------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 9 | Koufopoulos, Zoumbos, Argyropoulou & Motwani (2008) | 27 pengerusi syarikat di Greece yang disenaraikan di Bursa Saham Athens (ASE) | Greece | Struktur lembaga pengarah <ul style="list-style-type: none"> • Saiz lembaga pengarah • Kebebasan lembaga pengarah | Prestasi syarikat | Hanya saiz lembaga pengarah yang mempunyai hubungan positif yang dikaitkan dengan prestasi syarikat. |
| 10 | Haat, Rahman & Mahenthiran (2008) | Menggunakan data tempoh satu tahun (2002). sebanyak 142 firma sampel dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan dipadankan. | Malaysia | <u>Tadbir urus dalaman</u> <ul style="list-style-type: none"> • Komposisi lembaga pengarah • Tiada dualiti peranan CEO/pengerusi • Kualiti pengarah • Pemilikan orang dalam <u>Tadbir urus luaran</u> <ul style="list-style-type: none"> • Kualiti audit | Prestasi syarikat | Semua mekanisme tadbir urus dalaman tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi firma. Terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara kualiti pengarah dan prestasi syarikat. |

Jadual 2.1 (Sambungan)

| No. | Pengarang | Responden yang digunakan | Lokasi | Pembolehkan Bebas / Unsur-unsur | Pembolehkan Bergantung | Penemuan |
|-----|-------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 11 | Ponnu (2008) | Menggunakan data dari tahun kewangan 1999 (sebelum pelaksanaan MCCG) dan tahun 2005 (selepas pelaksanaan daripada MCCG pada tahun 2000) daripada 100 syarikat Bursa Malaysia, yang terdiri daripada 30 syarikat-syarikat besar dan 70 syarikat bersaiz pertengahan. Walau bagaimanapun, institusi kewangan lain dikecualikan. | Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> • Komposisi lembaga pengarah (Pengarah Bebas) • Dualiti peranan CEO/pengerusi | Prestasi syarikat (ROA dan ROE) | <p>Keputusan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara struktur tadbir urus korporat dan prestasi syarikat.</p> <p>Terdapat hubungan yang signifikan antara dualiti tugas CEO/pengerusi dengan prestasi syarikat.</p> |
| 12 | Coleman & Biekpe (2006) | 100 Eksport Bukan Tradisional (NTE) firma sepanjang tempoh sepuluh tahun 1995-2004 | Ghana | <ul style="list-style-type: none"> • Pengarah Bebas | Prestasi syarikat | Untuk prestasi syarikat yang cekap, firma dalam sektor Eksport Bukan Tradisional (NTE) sektor di Ghana perlu menambah lagi pengarah bebas dalam lembaga pengarah mereka. |

Jadual 2.1 (Sambungan)

| No. | Pengarang | Responden yang digunakan | Lokasi | Pembolehubah Bebas / Unsur-unsur | Pembolehubah Bergantung | Penemuan |
|-----|-----------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 13 | Leng & Mansor (2005) | 120 syarikat tersenarai Malaysia dalam tempoh empat tahun dari 1996 hingga 1999. | Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> • Dualiti peranan CEO/pengerusi • Sifat dominan CEO | Prestasi (ROE) | <p>CEO yang juga pengerusi lembaga pengarah memberikan kesan positif kepada pendapatan syarikat.</p> <p>Kajian ini mencadangkan bahawa CEO dominan boleh meningkatkan prestasi firma apabila mereka menguasai proses membuat keputusan dalam syarikat-syarikat mereka. Hasilnya menunjukkan hubungan yang positif antara prestasi syarikat dengan pemisahan fungsi Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi.</p> |
| 14 | Sanda, Mikailu & Garba (2005) | 93 firma disebut harga di Bursa Saham Nigeria | Nigeria | <ul style="list-style-type: none"> • Pemisahan tugas CEO/pengerusi | Prestasi syarikat | <p>Pelabur melihat pelantikan pengarah luar sebagai berita baik, dan ini dapat dilihat dalam pengumuman pulangan saham berkala.</p> <p>Hubungan positif yang signifikan wujud di antara bilangan pengarah luar dengan pulangan</p> |
| 15 | Dahya & McConnell (2003) | 1,124 syarikat tersenarai di Bursa Saham London (LSE) | UK | <ul style="list-style-type: none"> • Pengarah bebas | Prestasi syarikat | <p>Pelabur melihat pelantikan pengarah luar sebagai berita baik, dan ini dapat dilihat dalam pengumuman pulangan saham berkala.</p> <p>Hubungan positif yang signifikan wujud di antara bilangan pengarah luar dengan pulangan</p> |
| 16 | Dehaene, De Vuyst, & Ooghe (2001) | 122 syarikat Belgium | Belgium | <ul style="list-style-type: none"> • Pengarah bebas | Prestasi syarikat (ROE) | <p>Hubungan positif yang signifikan wujud di antara bilangan pengarah luar dengan pulangan</p> |

2.2.1 Kebebasan Lembaga Pengarah

Pengarah bukan eksekutif bebas ditakrifkan sebagai pengarah bebas yang tidak ada hubungan dengan firma itu melainkan jawatan pengarah yang mereka pegang (Clifford & Evans, 1997). MCCG (2007) telah mentakrifkan lembaga pengarah yang seimbang mempunyai kesan ke atas kebebasan lembaga pengarah. Pada tahun 1992, Jawatankuasa Cadbury mengeluarkan Kod Amalan Terbaik, yang mencadangkan bahawa lembaga pengarah syarikat-syarikat di United Kingdom (UK) perlu mempunyai sekurang-kurangnya tiga pengarah bebas. MCCG (2011) pula mengesyorkan syarikat di Malaysia yang mempunyai sekurang-kurangnya satu pertiga pengarah bebas dalam lembaga pengarah syarikat. Cadangan ini adalah untuk meningkatkan pengawasan lembaga pengarah dan mengelakkan meletakkan terlalu banyak kuasa di tangan Ketua Pegawai Eksekutif, pengurusan dan pengerusi lembaga pengarah.

Syarikat-syarikat disyorkan untuk melibatkan pengarah bebas untuk mengelakkan konflik kepentingan kerana pengarah bebas tidak terlibat secara langsung dalam tadbir urus syarikat tetapi dilantik ke Lembaga Pengarah untuk memberi keyakinan dan keseimbangan kuasa untuk melindungi para pemegang saham. Pengarah bebas adalah satu mekanisme untuk menyelia prestasi pengurusan dengan lebih berkesan (Young, 2000). Para pemegang saham adalah berminat untuk mengetahui secara terperinci mengenai pengurusan syarikat dari pengarah bebas ini, yang merupakan sumber utama maklumat pemegang saham kerana kebolehpercayaan mereka dan bukan dari pihak pengurusan yang memiliki konflik kepentingan dalam syarikat tersebut (Treadwell, 2006). Adam dan Mehran (2003) mendapati bahawa jumlah

pengarah bebas yang lebih tinggi akan meningkatkan keberkesanan dalam pemantauan pihak pengurusan.

Secara umum, terdapat hubungan yang positif di antara kebebasan lembaga pengarah, dengan tadbir urus korporat yang berkesan (Young, 2000). Kepentingan untuk kehadiran pengarah bebas telah diketengahkan oleh kajian yang dijalankan oleh McKinsey (2002) yang mendedahkan bahawa 44 peratus responden mengundi agar kebebasan lembaga pengarah dijadikan sebahagian daripada kod tadbir urus korporat.

Para pengarah bebas juga memberi sumbangan besar ke arah kemajuan organisasi (Kakabadse, Ward, Korac-Kakabadse & Bowman, 2001). Dalam kajian ke atas industri insurans hayat di Thailand, Connelly dan Limpaphayom (2004) mendapati bahawa apabila organisasi mempunyai bilangan pengarah bebas yang lebih tinggi, pulangan ke atas aset syarikat juga adalah lebih tinggi. Kesan positif ke atas prestasi syarikat-syarikat lain di Korea juga dibuktikan di mana Choi, Park dan Yoo (2007) mendapati hubungan positif yang kuat ke atas pencapaian organisasi apabila bilangan para pengarah bebas adalah lebih besar. Di dalam kajian ke atas syarikat-syarikat Malaysia, syarikat-syarikat yang memiliki lebih daripada 33 peratus pengarah bebas mempunyai ROA ialah 12.9%, pencapaian yang lebih baik daripada syarikat-syarikat yang mempunyai kurang daripada 33 peratus pengarah bebas di mana ROA hanya 11.6% pada tahun kewangan 1999 (Ponnu, 2008). Begitu juga, bagi tahun kewangan 2005, syarikat-syarikat dengan kadar pengarah bebas yang lebih tinggi mencapai ROA sebanyak 11.38% berbanding dengan ROA sebanyak 7.1% bagi syarikat-syarikat yang memiliki kurang daripada 33 peratus pengarah bebas (Ponnu, 2008).

Pengarah bebas memainkan peranan penting dalam peningkatan prestasi kewangan syarikat melalui penyertaan mereka di dalam jawatankuasa audit. Peningkatan prestasi syarikat adalah berkait rapat dengan lembaga pengarah bebas yang pakar dan juga jawatankuasa audit (Chan & Li, 2008). Kajian mereka mendapati bahawa apabila sekurang-kurangnya 35 peratus daripada lembaga pengarah dan 50 peratus daripada jawatankuasa audit adalah terdiri daripada pengarah bebas yang pakar, prestasi syarikat mungkin meningkat.

Lembaga pengarah bebas juga membantu meningkatkan pendedahan kewangan dan ketelusan kepada semua pihak yang berkepentingan. Peningkatan dalam nilai-nilai syarikat juga berkait rapat dengan kualiti pendedahan kewangan yang lebih tinggi. Secara umumnya, syarikat boleh meningkatkan nilai dan prestasi mereka apabila kualiti pendedahan kewangan dipertingkatkan. Ini adalah kerana pendedahan kewangan syarikat yang lebih baik dapat mengurangkan risiko ketidakstabilan harga di pasaran saham (Brown & Caylor, 2004). Pengarah bebas biasanya memerlukan kualiti audit yang lebih tinggi yang secara automatik akan menyediakan maklumat kewangan yang lebih kepada semua pihak yang berminat (Carcello, Hermanson, Neal & Riley Jr, 2002). Kewujudan lebih ramai pengarah bebas profesional meningkatkan prestasi tadbir urus korporat dan mengurangkan masalah agensi (Chen & Jaggi, 2000; Lefort & Urzua, 2008). Nasir dan Abdullah (2009) mendapati bahawa kewujudan tadbir urus korporat dan lembaga pengarah bebas mempunyai kesan yang besar kepada tahap pendedahan kewangan sukarela oleh syarikat-syarikat.

Selain itu, pengarah bebas didapati mempunyai pengaruh yang besar ke atas pelaporan kewangan melalui internet dan tahap pendedahan kewangan (Abdelsalam

& El-Masry, 2008; Kelton & Yang, 2008). Kajian ini mendakwa bahawa kebebasan lembaga pengarah mempunyai pengaruh yang besar ke atas ketepatan masa laporan kewangan melalui internet dan dengan itu dapat mengurangkan masalah agensi iaitu asimetri maklumat antara pemilik (pemegang saham) dan pihak pengurusan. Xiao, Yang dan Chow (2004) juga berkongsi pandangan yang sama apabila kajian mereka menunjukkan betapa pentingnya para pengarah bebas dalam meningkatkan pendedahan kewangan melalui internet dan dengan itu meningkatkan proses pemantauan dan mengurangkan isu maklumat asimetri.

Faedah pengarah bebas kepada syarikat-syarikat juga dilihat melalui peranan mereka sebagai penghalang kemungkinan rampasan kuasa di kalangan pengurusan atasan. Xie, Davidson dan DaDalt (2001) dalam kajian mereka mencadangkan bahawa para pengarah bebas mempunyai pengaruh yang berkesan ke atas aktiviti pengurusan pendapatan syarikat. Oleh itu, prestasi syarikat adalah dijangka lebih baik apabila bilangan pengarah bebas dalam lembaga pengarah adalah lebih tinggi (Connelly & Limpaphayom, 2004). Ia juga mendapati bahawa hubungan lembaga pengarah bebas berkaitan tadbir urus adalah negatif dikaitkan dengan akruan yang tidak normal (Koh, Laplante & Tong, 2007).

Pengarah bebas juga dikenal pasti sebagai salah satu daripada punca utama yang mempengaruhi prestasi syarikat dalam jangka panjang secara ketara terutamanya kepada nisbah-nisbah kewangan seperti ROA dan ROE. Ini kerana syarikat-syarikat yang memiliki ramai pengarah bebas tertakluk kepada risiko yang lebih rendah, nilai harga saham yang lebih stabil dan mempunyai liputan faedah yang lebih besar dan nisbah aliran tunai operasi kepada liabiliti semasa yang lebih baik (Brown & Caylor, 2004). Bhojraj dan Sengupta (2003) mendapati bahawa syarikat-syarikat dengan

kadar pengarah bebas yang lebih tinggi menikmati faedah di atas bon yang lebih rendah dan penilaian bon yang lebih tinggi kerana mereka dianggap mampu mengurangkan kos agensi dan dengan itu mengurangkan risiko kelalaian. Peningkatan prestasi kewangan syarikat juga boleh diakibatkan oleh kepakaran lembaga pengarah bebas dalam menangani keputusan strategik berkaitan dengan perolehan dan aktiviti serta menunjukkan impak yang lebih besar apabila lembaga itu bebas daripada campur-tangan pengurusan (McDonald, Westphal & Graebner, 2008). Di samping itu, pemegang saham juga mengharapkan penyertaan daripada lembaga pengarah bebas dalam keputusan strategik kerana pengalaman mereka yang luas dan hubungan mereka kepada sumber-sumber luar yang lain (Jackling & Johl, 2009; Scherrer, 2003).




2.2.2 Pemisahan Peranan Pengerusi Lembaga Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif

Selain pengarah bebas, satu lagi mekanisme yang menjamin keberkesanan lembaga pengarah adalah pemisahan peranan ketua pegawai eksekutif dan pengerusi lembaga pengarah. Menurut Abdullah (2004), lembaga pengarah tidak boleh dilihat sebagai berkesan dan bebas jika pengerusi lembaga pengarah juga memainkan peranan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Ini kerana konflik kepentingan akan timbul dan risiko seorang individu mendominasi proses membuat keputusan dan menentukan hala-tuju syarikat adalah tinggi. Menurut MCCG (2011), syarikat-syarikat Malaysia adalah disyorkan untuk mengasingkan fungsi pengerusi lembaga pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif bagi memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti dan memastikan tiada individu mempunyai kuasa mutlak dalam membuat keputusan.

Sesetengah syarikat mempunyai peranan pengerusi lembaga pengarah yang diisi oleh Ketua Pegawai Eksekutif mereka sendiri. Dualiti fungsi (iaitu Ketua Pegawai Eksekutif juga berkhidmat sebagai pengerusi lembaga pengarah) ini meletakkan Ketua Pegawai Eksekutif dalam kedudukan yang dominan di dalam mengurus operasi firma dan juga mengawal hala-tuju firma itu. Menurut Uadiale (2010), beliau berpendapat bahawa dualiti pengerusi lembaga pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif Pengerusi akan memudaratkan syarikat seumpama orang yang sama menanda "kertas peperiksaan mereka sendiri". Higgs (2003) mengesyorkan pemisahan dua peranan tersebut, bagi mengelakkan lebih kuasa di tangan hanya seorang individu. Ketua pegawai eksekutif adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar syarikat dan mentadbir syarikat, manakala pengerusi lembaga pengarah adalah bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas lembaga pengarah dan memantau serta menilai aktiviti-aktiviti pihak pengurusan. Laporan Cadbury mengesyorkan bahawa semua syarikat tersenarai harus mempunyai pemisahan peranan pengerusi lembaga pengarah/ketua pegawai eksekutif bagi memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti yang akan membawa kepada lembaga pengarah yang lebih berdikari (Ow-Yong & Guan, 2000). Pemusatan kuasa di tangan ketua pegawai eksekutif merangkap pengerusi lembaga pengarah akan menyebabkan ketua pegawai eksekutif yang mempunyai kuasa terlalu besar (Abdul Rahman & Mohamed Ali, 2006) dan membolehkan ketua pegawai eksekutif mengatasi struktur kawalan dalaman firma (Abbott, Park & Parker, 2000). Abbott et al. (2000) mendapati bahawa hubungan di antara dualiti peranan pengerusi lembaga pengarah/ketua pegawai eksekutif dengan kes penipuan ke atas penyata kewangan adalah positif.

Ehikioya (2009) telah menjalankan kajian mengenai struktur tadbir urus korporat dan prestasi syarikat di Nigeria, sebuah ekonomi yang membangun bagi tahun

kewangan 1998 hingga 2002. Beliau mendapat bukti penting yang menunjukkan bahawa dualiti tugas pengerusi lembaga pengarah/ketua pegawai eksekutif memberikan kesan negatif terhadap prestasi syarikat. Hubungan negatif antara dualiti ketua pegawai eksekutif dan prestasi korporat juga didokumenkan di Hong Kong (Chen, Cheung, Stouraitis & Wong, 2005). Bai, Liu, Lu, Song dan Zhang (2004) melaporkan bahawa bagi syarikat-syarikat di mana ketua pegawai eksekutif juga merupakan pengerusi atau naib pengerusi lembaga pengarah, penilaian pasaran untuk syarikat-syarikat ini adalah jauh lebih rendah. Yuen, Liu, Zhang dan Lu (2009) mencadangkan bahawa pengaruh ketua pegawai eksekutif terhadap lembaga pengarah dijangka memberi kesan yang negatif kepada prestasi syarikat kerana pampasan kewangan yang berlebihan dan di bawah keadaan sedemikian, dualiti peranan ketua pegawai eksekutif dijangka membawa kepada pemantauan yang tidak berkesan.



UUM
Universiti Utara Malaysia

2.3 Tanggungjawab Sosial Korporat

Darwin (2006) menyatakan bahawa tanggungjawab sosial korporat adalah mekanisme untuk mengintegrasikan isu sosial ke dalam operasi syarikat dan bertujuan untuk memenuhi hasrat pemegang saham. Suta (2006) menyatakan bahawa tanggungjawab sosial korporat melibatkan tanggungjawab syarikat terhadap alam sekitar, terutamanya tatacara syarikat melayan semua individu di sekelilingnya. tanggungjawab sosial korporat mengambil berat berkenaan integrasi pemuliharaan alam sekitar, sosial dan ekonomi ke dalam strategi dan amalan syarikat (Jones, Comfort & Hillier 2007). Tidak terdapat definisi yang tunggal dan terperinci mengenai tanggungjawab sosial korporat (ISO COPOLCO, 2002). Dengan itu, tiada

definisi universal yang dipersetujui dan Whitehouse (2003) telah mencadangkan bahawa "konsensus berkenaan makna khusus tanggungjawab sosial korporat masih sukar difahami". Frankental (2001) telah menyatakan bahawa "tanggungjawab sosial korporat adalah istilah yang masih kabur dan tidak jelas dan boleh bermaksud apa-apa kepada sesiapa, dan oleh itu adalah berkesan tanpa makna". Gabungan Industri British (2001) di UK telah mencadangkan bahawa "tanggungjawab sosial korporat adalah sangat subjektif dan oleh itu ia tidak boleh ditakrifkan dengan definisi yang universal". Di antara definisi tanggungjawab sosial korporat yang telah dirangka termasuklah:

- tanggungjawab sosial korporat telah ditakrifkan sebagai kewajipan organisasi untuk menghormati hak asasi individu dan menggalakkan kebajikan dalam operasinya (Manakkalathil & Rudolf, 1995; Oppewal, Alexander & Sullivan, 2006).
- Suruhanjaya untuk Komuniti Eropah (2001) mendefinisikan tanggungjawab sosial korporat sebagai "satu konsep di mana syarikat-syarikat mengintegrasikan aspek sosial dan alam sekitar ke dalam operasi perniagaan dan dalam interaksi mereka dengan pihak berkepentingan secara sukarela". Bagi Suruhanjaya Eropah, ini bermakna bukan hanya sekadar memenuhi tanggungjawab undang-undang tetapi merangkumi matlamat sosial, alam sekitar dan ekonomi yang lebih luas.
- Bank Dunia (2004) mendefinisi tanggungjawab sosial korporat sebagai:

"[. . .] Komitmen perniagaan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi mampan melalui interaksi dengan pekerja, keluarga mereka, komuniti tempatan, dan masyarakat untuk meningkatkan kualiti hidup, dengan cara yang paling sesuai untuk perniagaan dan juga pembangunan masyarakat. "

- Rangka kerja tanggungjawab sosial korporat Bursa Malaysia (Bursa Malaysia, 2006) mentakrifkan tanggungjawab sosial korporat sebagai amalan perniagaan yang terbuka dan telus berdasarkan nilai-nilai etika dan menghormati masyarakat, pekerja, alam sekitar, pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain.

Menurut ketua ACCA Malaysia, Tay Kay Luan (2005), tanggungjawab sosial korporat boleh dikategorikan dalam empat (4) bidang berikut:

- i. Komitmen untuk mematuhi undang-undang dan standard etika yang asas
- ii. Meningkatkan kesejahteraan masyarakat
- iii. Bertanggungjawab terhadap tindakan yang telah dibuat dan
- iv. Sumbangan dan perniagaan mampan sebagai warga korporat

Trend globalisasi semasa dan permintaan yang semakin meningkat daripada pihak berkepentingan mendesak syarikat-syarikat untuk menerima pakai konsep tanggungjawab sosial korporat (TSK) telah menggalakkan penglibatan syarikat-syarikat dalam amalan tanggungjawab sosial korporat (Chapple & Moon, 2005). Oleh yang demikian, tanggungjawab sosial korporat telah muncul sebagai subjek penting dalam aktiviti-aktiviti syarikat (Vilanova, Lozano & Arenaset, 2009). tanggungjawab sosial korporat adalah satu kenyataan umum yang menunjukkan tanggungjawab syarikat untuk menggunakan sumber-sumber ekonomi dalam kendaliannya untuk menyediakan dan menyumbang kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran (Kok, Weile, McKenna & Brown, 2001).

Menurut teori pemegang saham, para penyokong tanggungjawab sosial korporat (Donaldson & Preston, 1995; Jones, 1995) mengatakan bahawa tanggungjawab sosial korporat adalah mekanisme untuk mencapai keadaan kewangan yang lebih baik, dan juga memaksimumkan kekayaan pemegang saham (Whetten, Rands & Godfrey, 2001; Mackey, Mackey & Barney, 2007). Mackey, Mackey dan Barney (2007) menyatakan bahawa tanggungjawab sosial korporat adalah satu langkah yang diambil oleh sesebuah syarikat untuk memperbaiki keadaan masyarakat dan persekitarannya.

Kes-kes perniagaan berkaitan tanggungjawab sosial korporat dilihat memberi tumpuan kepada pelbagai potensi yang bermanfaat kepada syarikat yang mengamalkan tanggungjawab sosial korporat (Bevan, Emery & Hoskins, 2004). Ini termasuk kedudukan kewangan dan keuntungan yang meningkat; pengurangan kos operasi; kemampunan jangka panjang untuk syarikat-syarikat dan pekerja mereka; peningkatan dalam komitmen dan penglibatan kakitangan; peningkatan kapasiti untuk inovasi; hubungan baik dengan kerajaan dan masyarakat; pengurusan risiko dan krisis yang lebih baik; peningkatan reputasi dan jenama; dan hubungan yang lebih rapat dengan pelanggan dan peningkatan kesedaran terhadap keperluan mereka.

Kajian berkaitan hubungan di antara tanggungjawab sosial korporat dan prestasi syarikat mendapati hasil yang positif. tanggungjawab sosial korporat adalah berkaitan secara positif dengan pertumbuhan jualan dan keuntungan (Ruf, Muralidhar, Brown, Janney & Paul, 2001). Ngwakwe (2009) di dalam kajian ke atas 60 syarikat pembuatan di Nigeria mendapati bahawa amalan mampan syarikat-syarikat 'bertanggungjawab' mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi

syarikat. Montabon, Sroufe dan Narasimhan (2007) juga mendapati hubungan yang positif dan signifikan di antara prestasi syarikat dan tanggungjawab sosial korporat dari segi amalan pengurusan alam sekitar (EMPs), di dalam kajian mereka yang melibatkan 45 laporan korporat daripada syarikat-syarikat di Amerika Syarikat. Orlitzky, Schmidt dan Rynes (2003) yang melakukan meta-analisis daripada 52 kajian mendapati korelasi yang kukuh di antara prestasi syarikat dengan prestasi sosial atau alam sekitar. Hubungan ini diperkuat dengan bukti dari nisbah-nisbah perakaunan berasaskan prestasi seperti ROA dan ROE yang menunjukkan keputusan yang sama.

2.3.1 Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat

Banyak kajian telah menggunakan Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat sebagai proksi untuk tanggungjawab sosial korporat (Adebayo, 2000; Gray, Javad, Kuasa & Sinclair, 2001; Guan Yeik, 2006; Haniffa & Cooke, 2005; Kumar, 2004; Mohamed Zain & Janggu, 2006; Shaw, 2004). Pendedahan sosial korporat adalah manifestasi amalan di mana organisasi menjelaskan impak dan tanggungjawab sosial dan alam sekitar mereka kepada pihak berkepentingan yang berbeza (MENASA, 2010). Menurut Gray et al. (2001), pendedahan sosial dan alam sekitar biasanya dianggap sebagai maklumat yang berkaitan dengan aktiviti, aspirasi syarikat dan imej orang ramai terhadap alam sekitar, pekerja, isu-isu pengguna, penggunaan tenaga, persamaan hak, perdagangan adil, tadbir urus korporat dan sebagainya. Pendedahan sosial dan alam sekitar juga boleh berlaku melalui media yang berbeza seperti laporan tahunan, pengiklanan, kumpulan fokus, majlis-majlis pekerja, buku kecil, pendidikan sekolah dan sebagainya.

Metode yang paling biasa digunakan untuk mendedahkan tanggungjawab sosial korporat adalah pendedahan di dalam laporan tahunan. Adams, Hill, dan Roberts (1998) mendapati bahawa firma-firma di Jerman, Perancis, Switzerland, United Kingdom, dan firma Belanda, umumnya menzahirkan aktiviti tanggungjawab sosial korporat mereka melalui laporan tahunan. Berdasarkan kajian mereka, kajian ini juga akan memberi tumpuan kepada laporan tahunan juga sebagai sumber TSK. Kent dan Chan (2003) menjelaskan beberapa sebab mengapa tanggungjawab sosial korporat didedahkan bersama-sama laporan tahunan:

- Laporan tahunan adalah sumber utama komunikasi korporat kepada pelabur dan ia digunakan secara meluas oleh firma-firma untuk menzahirkan aktiviti sosial mereka;
- Ia adalah pembentangan maklumat kewangan dan sosial di dalam satu set dokumen (laporan tahunan) dan ia juga adalah satu cara untuk mengurangkan kos pendedahan;
- Laporan tahunan adalah maklumat paling banyak diminta oleh kumpulan-kumpulan tekanan; dan
- Pendedahan melalui media lain, seperti akhbar adalah tertakluk kepada risiko tafsiran kewartawanan dan putar belit, sedangkan pendedahan melalui laporan tahunan dikawal sepenuhnya oleh pihak pengurusan.

Istilah lain bagi pendedahan sosial korporat ialah Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat. PTSK biasanya ditakrifkan sebagai aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang disampaikan kepada pihak-pihak berkepentingan melalui laporan tahunan syarikat (Che Zuriana, Kasumalinda & Rapih, 2003; Mohd Ghazali, 2007; Nik

Ahmad & Abdul Rahim, 2003). Oleh itu, PTSK dianggap mewakili semua aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat syarikat yang didedahkan dalam laporan tahunan mereka. Kepentingan PTSK didapati semakin meningkat setelah syarikat-syarikat mulai sedar bahawa tindakan mereka mempunyai kesan kepada semua pihak berkepentingan.

Pendedahan tanggungjawab sosial korporat adalah satu kaedah dimana pihak pengurusan syarikat boleh berinteraksi dengan masyarakat untuk "mempengaruhi persepsi luaran mengenai organisasi mereka" (Deegan, 2006). tanggungjawab sosial korporat boleh meningkatkan reputasi firma dan mewujudkan hubungan yang baik dengan bank-bank, pelabur dan kerajaan, yang seterusnya ditunjukkan di dalam peningkatan prestasi syarikat. Cragg (2002) mencadangkan bahawa pendedahan nilai-nilai dan objektif tanggungjawab sosial korporat dalam penyata korporat mempertingkatkan daya tarikan saham firma kepada pelabur yang bertanggungjawab secara sosial. Heal dan Garret (2004) membuat kesimpulan bahawa tanggungjawab sosial korporat boleh menyumbang kepada keuntungan jangka panjang firma. Mitton (2002) menunjukkan bahawa prestasi saham yang lebih baik dikaitkan dengan firma yang mempunyai tahap pendedahan yang lebih tinggi. Gul dan Leung (2004) berhujah bahawa pendedahan adalah suatu keperluan yang jelas untuk pasaran ekuiti untuk berfungsi dengan lebih berkesan. Adalah difahamkan bahawa pendedahan yang lebih baik dikaitkan dengan ketelusan yang lebih baik dan pengurangan jurang maklumat antara firma dan pelabur luar, yang seterusnya akan membawa kepada peningkatan nilai firma (Bučiūnienė & Kazlauskaitė, 2012; Nakamura, 2015).

Terdapat dua teknik yang boleh digunakan untuk mengukur tahap Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat dalam laporan tahunan (Al-Tuwajri, Christensen &

Hughes, 2004). Pengukuran pertama adalah pada tahap kuantiti pendedahan seperti jumlah halaman (Gray et al, 1995;. Guthrie, Yongvanich & Ricceri 2006; Liu, Wong, Shi, Chu & Brock, 2014), bilangan ayat (Hackston & Milne, 1996), dan bilangan perkataan (Zeghal & Ahmed, 1990). Semua kaedah ini mempunyai kekurangan mereka tersendiri. Menurut Al-Tuwaijri et al. (2004) jumlah halaman mungkin termasuk gambar yang tidak mempunyai maklumat mengenai aktiviti tanggungjawab sosial korporat, manakala bilangan ayat dan perkataan mungkin boleh mengabaikan graf atau jadual yang relevan. Pengukuran kedua menggunakan ukuran pemarkahan pendedahan daripada analisis kandungan. Kaedah ini juga dikenali sebagai Pendedahan Kuantitatif (Al-Tuwaijri et al., 2004).

Kajian ini akan menggunakan metode Pendedahan Kuantitatif. Pendedahan Kuantitatif digunakan ke atas maklumat yang berbeza berdasarkan dimensi Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat, iaitu hubungan pekerja, penglibatan masyarakat, produk, dan persekitaran untuk kumpulan pelbagai pengguna (Saleh, Zulkifli & Muhamad, 2010). Darwin (2006) menyatakan bahawa secara umumnya tanggungjawab sosial korporat mengandungi lima elemen, iaitu hak asasi manusia, buruh, alam sekitar, masyarakat dan juga kesan produk atau perkhidmatan kepada pelanggan. Syarikat-syarikat yang tidak mendedahkan apa-apa maklumat untuk dimensi yang ditetapkan memperoleh skor “0” bagi dimensi tersebut. Jumlah nilai skor Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat ini diperoleh dari nilai sub-skor dimensi Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat yang terdiri daripada jumlah nilai skor dimensi hubungan pekerja, dimensi penglibatan masyarakat, dimensi produk dan dimensi alam sekitar.

Kajian tanggungjawab sosial korporat telah dijalankan berulang kali dalam konteks syarikat tempatan Malaysia (Abdul Hamid, 2004; Amran & Devi, 2008; Haniffa & Cooke, 2002; Nik Ahmad, Sulaiman & Siswanto, 2003; Thompson & Zakaria, 2004). Kajian – kajian terdahulu menyimpulkan bahawa tahap kesedaran pengurus terhadap tanggungjawab sosial korporat adalah tinggi, tetapi ia tidak diikuti dengan laporan berkenaan aktiviti tersebut (Nik Ahmad & Abdul Rahim, 2003). Walaupun terdapat bilangan kajian tanggungjawab sosial korporat yang tinggi pada masa kini, kajian berkaitan hubungan tanggungjawab sosial korporat dengan prestasi kewangan syarikat dalam konteks Malaysia masih sedikit. Sebaliknya isu-isu ini telah diterokai secara meluas dalam pasaran maju. Saleh, Zulkifli, dan Muhamad (2008) telah cuba untuk menangani persoalan sama ada tanggungjawab sosial korporat dapat dikaitkan dengan prestasi kewangan bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Walaupun Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat boleh dikatakan masih dalam peringkat awal di Malaysia, hasil kajian mereka menyokong majoriti keputusan dalam pasaran maju. Ia telah mendapati tanggungjawab sosial korporat mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi kewangan syarikat. Ini mencadangkan bahawa firma-firma tempatan juga boleh memperbaiki prestasi kewangan jika mereka melibatkan diri dalam aktiviti sosial.

Hubungan di antara tanggungjawab sosial korporat dan prestasi syarikat-syarikat telah menghasilkan keputusan yang kurang jelas. Siregar dan Bachtiar (2010) dalam kajian mereka ke atas 87 firma awam yang disenaraikan dalam Bursa Saham Indonesia (IDX) mendapati sedikit bukti mengenai kesan positif tanggungjawab sosial korporat ke atas prestasi masa depan sesebuah syarikat. Oleh itu, keputusan yang positif ini seharusnya menggalakkan firma-firma untuk menzahirkan aktiviti tanggungjawab sosial korporat mereka kerana nampaknya ia ada memberi kesan

yang positif ke atas prestasi masa hadapan syarikat, walaupun buktinya kurang kukuh. Menassa (2010) telah memeriksa 24 bank komersial di Lubnan dan mendapati bahawa terdapat kaitan yang kuat di antara pembolehubah prestasi kewangan (ROE) dan Pendedahan Sosial Korporat. Yang, Lin dan Chang (2010) di dalam kajian mengenai hubungan di antara PTSK dan prestasi syarikat syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Taiwan (TSEC) telah mendapati korelasi positif yang signifikan di antara Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat dan ROA. Sebaliknya, Power (2001) telah menerokai hubungan antara Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat dan prestasi kewangan syarikat-syarikat terbesar di UK dan mendapati tiada hubungan yang meyakinkan di antara kedua-dua faktor tersebut.

2.4 Modal Intelekt

Modal intelek boleh ditakrifkan dalam cara yang berbeza. Berikut adalah definisi oleh pelbagai penyelidik:

- Modal intelek ditakrifkan sebagai "aset ketara atau tidak ketara yang mempunyai kesan yang ketara kepada prestasi dan kejayaan keseluruhan sesebuah syarikat, walaupun ia tidak disenaraikan dalam kunci kira-kira" (Jelcic, 2007).
- Modal intelek merujuk kepada jumlah semua sumber pengetahuan tidak ketara perniagaan yang boleh digunakan untuk kelebihan daya saing (Subramaniam & Youndt, 2005).

- Modal intelek syarikat merujuk kepada pengetahuan, pengalaman, teknologi organisasi, hubungan pelanggan dan kemahiran profesional yang membolehkan syarikat memiliki kelebihan daya saing dalam pasaran (CIMA, 2003).
- Modal intelek ditakrifkan sebagai aset tidak ketara termasuk teknologi, maklumat pelanggan, jenama, reputasi dan budaya korporat yang tidak ternilai kepada daya saing firma (Low & Kalafut, 2002).
- Modal intelek adalah istilah yang diberikan kepada aset tidak ketara yang menggabungkan pasaran, harta intelek, pemusatan manusia dan infrastruktur yang membolehkan syarikat itu berfungsi (Bontis, Keow & Richardson, 2000).
- Modal intelek adalah "aset tetap bukan kewangan yang tidak mempunyai nilai kewangan tetapi boleh dikenal pasti dan dikawal oleh entiti melalui perlindungan dan hak-hak undang-undang." Secara khusus, dalam definisi ini, MI merujuk kepada paten, cap dagangan dan nama baik (IASB, 2004).

Di antara semua definisi modal intelek, salah satu definisi yang paling yang kerap digunakan adalah definisi yang ditawarkan oleh CIMA (2003). Modal intelek adalah bahan intelek yang terdiri daripada pengetahuan, maklumat, harta intelek dan pengalaman yang boleh dipergunakan untuk mencipta kekayaan. Modal intelek terdiri daripada (1) pengetahuan tersirat dan inovasi pekerja, (2) infrastruktur modal manusia (sistem kerja yang baik dan inovasi) dan proses peningkatan modal struktur dan; (3) hubungan luar firma (modal pelanggan). Ini adalah pemacu utama prestasi organisasi dan penciptaan kekayaan masa hadapan (Bontis et al., 2000; Riahi-

Belkaoui, 2003). Modal intelek memainkan peranan yang semakin meningkat dalam prestasi kewangan syarikat-syarikat serta menyumbang kepada pencapaian kewangan seperti peningkatan syer pasaran (Bozbura, 2004).

Chen, Cheng dan Hwang (2005) di dalam kajian ke atas syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Saham Taiwan (TSE) sepanjang tahun 1992 hingga ke 2002 mendapati bahawa modal intelek firma mempunyai kesan positif terhadap prestasi syarikat diukur dengan ROA dan ROE. Shui (2006) meneliti pertalian di antara Modal intelek dan prestasi syarikat, berdasarkan laporan tahunan 2003 daripada 80 syarikat teknologi Taiwan tersenarai dan menemui pertalian positif yang ketara di antara MI dan ROA. Muhammad dan Ismail (2009) dalam kajian mereka ke atas 18 syarikat di bawah sektor kewangan bagi tahun 2007 di Malaysia mendapati bahawa modal intelek mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan prestasi syarikat yang diukur oleh ROA.

Menurut Guthrie, Yongvanich dan Ricceri (2004), analisis kandungan adalah salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan secara meluas untuk mengenalpasti kekerapan dan jenis laporan modal intelek. Metodologi Nilai tambah modal intelek yang dibangunkan oleh Pulic (1998) digunakan di dalam kajian ini untuk mengukur modal intelek. Metodologi ini dianggap sebagai penunjuk universal dan ia menunjukkan kebolehan syarikat dalam penciptaan nilai dan mewakili langkah untuk menilai kecekapan perniagaan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (Pulic, 1998). Nilai tambah modal intelek terdiri daripada tiga komponen yang secara rasmi dipanggil: (1) Kecekapan Modal yang digunakan (CEE) - penunjuk kecekapan nilai tambah modal yang digunakan; (2) Kecekapan Modal Insan (HCE) - penunjuk

kecekapan nilai tambah modal insan; dan (3) Struktur Kecekapan modal (SCE) - penunjuk kecekapan nilai tambah modal struktur.

Secara amnya, penyelidik telah mengenal pasti tiga konstruk utama modal intelek iaitu modal insan, modal struktur dan modal pelanggan (Bontis, Keow & Richardson, 2000). Modal insan merupakan pengetahuan individu sesebuah organisasi yang dimiliki oleh pekerjanya (Bontis, Crossan & Hulland, 2001). Modal struktur termasuk semua perbendaharaan ilmu dalam organisasi termasuk pangkalan data, carta organisasi, manual proses, strategi, rutin dan apa-apa item yang nilainya kepada syarikat itu adalah lebih tinggi daripada nilai material asalnya (Bontis et al., 2000). Modal struktur adalah sumber nilai dan pengetahuan yang kekal di dalam perniagaan apabila pekerja meninggalkan syarikat tersebut (Su, Fang & Young, 2011). Modal pelanggan adalah nilai yang menyumbang kepada pendapatan semasa dan masa depan syarikat hasil daripada hubungan organisasi dengan pelanggannya (Duffy, 2000). Menurut Duffy (2000), modal pelanggan terdiri daripada proses, alat, dan teknik yang menyokong pertumbuhan ekuiti pelanggan. Tema utama modal pelanggan ialah pengetahuan yang tersimpan dalam saluran pemasaran dan hubungan baik dengan pelanggan. Modal pelanggan sesebuah organisasi berkembang semasa menjalankan perniagaan dan akan membantu meningkatkan kelebihan kompetitifnya (Bontis et al, 2000; Bontis dan Fitz-Enz, 2002).

2.5 Teori Asas

Teori-teori asas rangka kerja kajian ini adalah teori agensi, teori pihak berkepentingan dan teori berasaskan sumber.

2.5.1 Teori Agensi

Menurut teori agensi, setiap firma terdiri daripada prinsipal (pemegang saham) dan ejen (pengurus). Andaian teori agensi adalah ejen adalah didorong oleh kepentingan diri dan suka mengambil risiko. Maijoor (2000) mencadangkan bahawa isu-isu tadbir urus korporat seperti mekanisme pemantauan adalah amat berkaitan dengan teori agensi. Teori ini mencadangkan bahawa pengasingan fungsi pemilikan dan pengurusan boleh mewujudkan konflik prinsipal-ejen kerana ejen (pengurus) mungkin mengejar kepentingan mereka sendiri dengan mengabaikan kepentingan prinsipal (Ugurlu, 2000). Pemisahan pemilikan daripada pengurusan membuktikan bahawa prinsipal (pemegang saham) tidak mampu mengawal dan menyelia tindakan ejen (pengurusan) sepenuhnya.

Menurut Matos (2001), kos agensi di firma timbul daripada masalah prinsipal-ejen. Terdapat ejen (pengurus) yang tidak memaksimumkan keuntungan prinsipal (pemegang saham) dan mereka terlibat dalam membina empayar sendiri di mana keputusan mereka tidak meningkatkan nilai pemegang saham. Keputusan ejen (pengurus) tersebut adalah didorong oleh kepentingan diri sendiri dan pada masa sama mengurangkan kekayaan prinsipal (pemegang saham); ini bertentangan dengan tujuan asal ejen dilantik oleh prinsipal, iaitu memaksimumkan kekayaan prinsipal. Masalah ini semakin ketara apabila ejen (pengurus) yang diamanahkan untuk mentadbir urus syarikat, berkuasa penuh membuat keputusan tanpa wujud satu mekanisme 'check and balance' menyebabkan hilangnya penekanan terhadap tanggungjawab memaksimumkan kekayaan pemegang saham dan diganti dengan objektif yang mementingkan keuntungan ejen itu sendiri.

Sridharan dan Navisi (2004) merujuk teori agensi sebagai satu set cadangan dalam mentadbir syarikat moden yang biasanya dicirikan oleh sebilangan besar pemegang saham atau pemilik yang membenarkan individu yang berasingan untuk mengawal dan mengarahkan penggunaan modal kolektif mereka untuk keuntungan masa depan. Teori agensi menawarkan platform penting untuk melihat ke dalam dasar dan hubungan ejen-prinsipal dan bagaimana objektif untuk memaksimumkan pulangan kepada prinsipal boleh dicapai (Bendickson, Muldoon, Liguori & Davis, 2016).

Para penyokong teori agensi percaya bahawa kewujudan pengarah luar boleh menyediakan satu alat pemantauan yang berkesan untuk sesebuah lembaga pengarah (Fama & Jensen, 1983). Beasley (1996) menguji ramalan teori agensi, yang mencadangkan bahawa dengan mempunyai peratusan yang lebih tinggi, pengarah bebas boleh meningkatkan keberkesanan lembaga pengarah. Ini menunjukkan bahawa kehadiran lebih ramai pengarah bebas di dalam lembaga pengarah mampu mewujudkan mekanisme pengawasan yang lebih baik ke atas pengurusan. Kewujudan para pengarah bebas akan membolehkan lembaga pengarah untuk melaksanakan peranan pengawalannya dengan lebih cekap (Chouchene, 2010, Hu & Alon, 2014).

Menurut Jensen (1993), mewakili tanggungjawab untuk membuat keputusan dan kawalan kepada lembaga pengarah adalah bertujuan untuk mengurangkan masalah konflik agensi. Dengan itu, Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab untuk inisiasi dan pelaksanaan keputusan strategik manakala lembaga pengarah adalah bertanggungjawab untuk mengesahkan dan memantau keputusan yang diambil oleh pengurusan atasan. Apabila pengerusi lembaga pengarah juga merangkap Ketua Pegawai Eksekutif, dia mendapat kuasa yang lebih besar yang akan melemahkan kuasa lembaga pengarah dan memudahkan pihak pengurusan untuk membuat

keputusan yang tidak memaksimumkan kekayaan prinsipal (Chouchene, 2010, Dawar, 2014). Penyokong teori agensi percaya bahawa pemisahan kedua-dua peranan itu adalah penting untuk memantau keberkesanan lembaga pengarah dan pengurusan, dengan menyediakan mekanisme 'check and balance' terhadap kemungkinan Ketua Pegawai Eksekutif yang mempunyai cita-cita yang lebih tinggi (Hashim & Devi, 2008; Dawar, 2014).

2.5.2 Teori Pihak Berkepentingan

Teori pihak berkepentingan mentakrifkan pihak berkepentingan sebagai mana-mana kumpulan atau individu yang boleh menjejaskan atau terjejas oleh pencapaian objektif organisasi itu (Freeman, 1984, Loi, 2016). Teori pihak berkepentingan merangkumi semua pihak yang berkepentingan, termasuk yang pelabur semasa dan berpotensi, pelanggan, pemiutang, pekerja, pembekal, kerajaan, dan masyarakat (Donaldson & Preston, 1995). Teori pihak berkepentingan menyediakan hak untuk semua pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti organisasi dan kesannya terhadap kepentingan mereka, walaupun mereka memilih untuk tidak menggunakan maklumat tersebut atau tidak mempunyai kuasa untuk memainkan peranan yang membina di dalam organisasi itu (Deegan, 2000).

Konsep pihak berkepentingan membayangkan bahawa pelbagai kumpulan pihak berkepentingan seperti pemegang saham, pekerja, pemiutang, pembekal, pelanggan, kerajaan dan masyarakat tempatan boleh mempunyai kepentingan dalam aktiviti-aktiviti dan tingkah laku suatu organisasi itu (Deegan, 2006; Qu & Leung, 2006, Loi, 2016). Teori pihak berkepentingan telah digunakan untuk menerangkan pendedahan

sukarela di dalam pendedahan tanggungjawab sosial korporat syarikat tertentu (Deegan, 2000). Menurut Matten, Crane dan Chapple (2003), teori pihak berkepentingan boleh dianggap sebagai "satu proses yang perlu dalam menjelaskan tanggungjawab sosial korporat." Pada dasarnya, teori pihak berkepentingan berpendapat bahawa syarikat-syarikat yang tidak diuruskan untuk kepentingan para pemegang saham sahaja, tetapi terdapat pelbagai pihak yang berkepentingan lain yang mempunyai kepentingan yang sah dalam syarikat itu juga; iaitu kumpulan yang mendapat manfaat daripada atau teraniya olehnya atau yang hak akan terjejas sama ada positif atau negatif (Matten et al., 2003). Teori pihak berkepentingan mewujudkan tanggungjawab organisasi untuk mendedahkan secara sukarela dan setelus mungkin maklumat tentang aktiviti intelektual, sosial, dan alam sekitar selain dari pendedahan yang diwajibkan oleh undang-undang (Guthrie et al., 2006, Lahouel, Peretti & Autissier, 2014).

2.5.3 Teori Berasaskan Sumber

Modal intelek biasanya ditakrifkan sebagai jumlah sumber organisasi merangkumi pengetahuan kolektif tersirat, kemahiran manusia, pengalaman dan apa-apa sumber intelek yang boleh menyumbang kepada pembentukan nilai untuk organisasi (Bontis, 2002). Hubungan antara sumber dan prestasi syarikat telah menjadi topik utama dalam penyelidikan pengurusan strategik dalam tempoh 20 tahun yang lalu, dan teori berasaskan sumber (RBT) telah menjadi satu teori utama rangka kerja dalam penyelidikan pengurusan strategik kontemporari (Barney, 1991; Peteraf, 1993; Wernerfelt, 1984, Warnier, Weppe & Lecocq, 2013). Teori Berasaskan Sumber mencadangkan bahawa modal intelek boleh mewujudkan nilai dan meningkatkan

prestasi organisasi dengan mengurangkan kos, meningkatkan faedah kepada pelanggan atau gabungan di antara kedua-duanya (Choudhury, 2010; Xu, Huo & Sun, 2014). Teori Berasaskan Sumber mentakrifkan sumber sebagai aset ketara atau tidak ketara di bawah kawalan syarikat dan boleh digunakan untuk menghasilkan dan/atau melaksanakan strategi (Barney & Hesterly, 2006). Sumber tidak ketara termasuk kemahiran, aset manusia, maklumat dan aset organisasi, dan aset hubungan dan reputasi (Knott, 2009). Semua ini mewakili apa sahaja sumber yang dimiliki syarikat (Cullen & Parker, 2015).

2.6 Ringkasan Literatur yang Menyokong Rangka Kerja Kajian

Kajian literatur yang berkaitan membentangkan perbincangan tentang gambaran tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek serta kesannya ke atas prestasi syarikat. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada unsur-unsur tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek. Jadual 2.2 di bawah menyediakan senarai kajian yang menyokong kepentingan pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Secara umumnya, kajian ini merujuk kepada literature dari seluruh dunia antara tahun 2000 hingga 2016. Dapatan utama menunjukkan hubungan antara CSR ke atas prestasi syarikat (Nakamura, 2015; Liew et al., 2014) dan pengaruh TSK ke atas prestasi (Abidin et al., 2009; Ngwakwe, 2009; Montabon et al., 2007).

Jadual 2.2

Ringkasan kesusasteraan Menyokong Rangka Kerja Penyelidikan

| No. | Pengarang | Respondent yang digunakan | Lokasi | Pembolehubah/ Unsur-unsur | Pencapaian Utama yang berkaitan |
|-----|----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Arora & Sharma (2016) | Syarikat meliputi 20 industri penting antara 2001-2010 | India | <ul style="list-style-type: none"> • Saiz Lembaga Pengarah • Dualiti • Kebebasan Lembaga Pengarah | Saiz Lembaga Pengarah yang besar memberi kesan yang besar ke atas prestasi. Namun dualiti tidak mempengaruhi prestasi. |
| 2 | Afrifa & Tauringana (2015) | 234 PKS dalam pasaran pelaburan alternatif | UK | <ul style="list-style-type: none"> • Saiz lembaga pengarah • Umur CEO • Ganjaran Pengarah | Bagi semua PKS, semua faktor menunjukkan hubungan yang signifikan dengan prestasi PKS |
| 3 | Nakamura (2015) | 185 Firma | Jepun | <ul style="list-style-type: none"> • CSR | Pelaburan alam sekitarr dan berkaitan buruh mengurangkan prestasi. Namun, pelaburan sosial meningkatkan prestasi. |
| | Liew et al. (2014) | 243 companies in China | China | <ul style="list-style-type: none"> • CSR (Alam sekitar, dan pihak berkepentingan) | impak yang besar daripada CSR ke atas prestasi syarikat. |
| 3 | Tuan (2014) | 1163 pengurus pertengahan dalam kalangan syarikat tersenarai di Vietnam | Vietnam | <ul style="list-style-type: none"> • Saiz lembaga pengarah • Kebebasan lembaga pengarah | Menunjukkan kesan dan pengaruh yang kuat terhadap prestasi syarikat. |
| | Bučiūnienė & Kazlauskaitė (2012) | 119 syarikat sederhana dan besar | Lithuana | <ul style="list-style-type: none"> • CSR • HRM | Only 38,8% reorts the CSR and CSR significantly related to performance. |
| 4 | Runhui et al. (2011) | Syarikat Telekomunikasi di Cina | Cina | <ul style="list-style-type: none"> • Persekitaran tadbir urus korporat • Tingkah laku tadbir urus korporat | persekitaran dan tingkah laku tadbir urus korporat memainkan pengaruh yang aktif ke atas prestasi. |
| 3 | Menassa (2010) | 24 bank perdagangan Lubnan | Lebanon | Pendedahan TSK | Hubungan antara pembolehubah prestasi kewangan (ROE) dan Pendedahan Sosial Korporat (PSK) adalah kuat, khususnya berkaitan sub-kategori sumber manusia serta produk dan pelanggan. |

Jadual 2.2 (Sambungan)

| No. | Pengarang | Respondent yang digunakan | Lokasi | Pembolehubah/ Unsur-unsur | Pencapaian Utama yang berkaitan |
|-----|----------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4 | Abidin, Kamal dan Jusoff (2009) | 75 syarikat yang tersenarai di papan utama Bursa Malaysia, dipilih secara rawak | Malaysia | TUK: Pengarah Bebas | Hasilnya menunjukkan bahawa penekanan tentang kepentingan pengarah luar selaras dengan Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat (MCCG) dan syarat penyenaian Bursa Malaysia adalah dianggap berkaitan dengan prestasi syarikat jangka panjang. |
| 5 | Ngwakwe, (2009) | 60 syarikat pembuatan | Nigeria | TSK: amalan perniagaan yang mampan | Penemuan daripada hasil empirikal mendedahkan bahawa amalan mampan daripada firma 'bertanggungjawab' mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi firma. |
| 6 | Muhammad dan Ismail (2009) | 18 syarikat di bawah sektor kewangan | Malaysia | Modal intelek | Modal intelek mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan prestasi syarikat diukur dengan keuntungan dan Pulangan ke atas Aset (ROA). Wujud hubungan positif antara MI dan prestasi syarikat. |
| 7 | Cabrita dan Bontis (2008) | 53 banks di Portugal. | Portugal. | Modal intelek | nilai tambah modal intelek dapat menjelaskan hubungan modal intelek dengan keuntungan dan produktiviti. |
| 8 | Gan dan Saleh (2008) | Firma berintensif teknologi yang disenaraikan di Bursa Malaysia | Malaysia | Modal intelek | Hubungan yang positif dan bermakna di antara prestasi firma dan EMPs. |
| 9 | Montabon, Sroufe dan Narasimhan (2007) | Satu set 45 laporan korporat | Satu campuran firma Amerika Syarikat | TSK: amalan pengurusan alam sekitar (EMPs) | |

Jadual 2.2 (Sambungan)

| No. | Pengarang | Respondent yang digunakan | Lokasi | Pembolehubah/ Unsur-unsur | Pencapaian Utama yang berkaitan |
|-----|-------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|---------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 10 | Tan et al. (2007) | 150 syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Singapura antara 2000 dan 2002 | Singapura | Modal intelek | Hasilnya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara VAIC dan prestasi syarikat. |
| 11 | Shiu (2006) | 80 teknologi firma Taiwan disenaraikan | Taiwan | Modal intelek | Satu korelasi positif yang bermakna di antara VAIC, keuntungan dan penilaian pasaran |
| 12 | Chen et al. (2005) | sampel besar Taiwan syarikat tersenarai | Taiwan | Modal intelek | MI memang aset strategik yang penting, kerana ia berkaitan secara positif dengan nilai pasaran firma dan prestasi kewangan. |
| 13 | Sanda, Mikailu dan Garba (2005) | 93 firma di Bursa Saham Nigeria | Nigeria | TUK: Memisahkan Peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif | Hasilnya menunjukkan hubungan yang positif antara prestasi firma yang memisahkan fungsi Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi. |
| 14 | Dahya dan McConnell (2003) | 1,124 syarikat tersenarai di Bursa Saham London (LSE) | UK | TUK: Pengarah Bebas | Pelabur melihat pelantikan pengarah luar sebagai berita baik, dan ini dapat dilihat dalam pengumuman pulangan saham berkala. |
| 15 | Orlitzky, Schmidt dan, Rynes (2003) | Meta-analisis daripada 52 kajian (yang mewakili keseluruhan siasatan kuantitatif sebelum) menghasilkan saiz sampel sebanyak 33,878 pemerhatian | Syarikat serata dunia | TSK | Korelasi yang kukuh antara prestasi kewangan korporat dan prestasi sosial dan persekitaran korporat telah ditemui. Hubungan ini lebih kuat disokong dengan prestasi berdasarkan kriteria perakaunan lebih daripada kriteria berasaskan pasaran. |

Jadual 2.2 (Sambungan)

| No. | Pengarang | Respondent yang digunakan | Lokasi | Pembolehubah/Unsur-unsur | Pencapaian Utama yang berkaitan |
|-----|-------------------------------------|---------------------------------------------------------|----------|--------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 16 | Dehaene, De Vuyst, dan Ooghe (2001) | 122 syarikat Belgium | Belgium | TUK: Pengarah Bebas | Hubungan positif yang signifikan wujud di antara bilangan pengarah luar dan pulangan ke atas ekuiti (ROE). |
| 17 | Bontis, Keow dan Richardson (2000) | 107 sambilan MBA pelajar dari Kuala Lumpur dan Seremban | Malaysia | Modal intelek | Modal intelek mempunyai hubungan yang signifikan dan substantif dengan prestasi syarikat-syarikat tidak kira sektor industri. |

2.7 Rumusan Bab

Bab ini telah melampirkan literatur berkenaan nilai prestasi syarikat, iaitu ROA dan ROE. Bab ini juga menerangkan kajian literatur dan teori asas berkenaan tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek. Teori-teori asas dan literatur dahulu mencadangkan bahawa terdapat hubungan di antara prestasi syarikat dan ketiga-tiga strategi tersebut.

BAB TIGA

RANGKA KERJA KAJIAN DAN METODOLOGI

3.0 Pengenalan


Bab ini menerangkan kaedah dan prosedur siasatan yang akan digunakan dalam kajian ini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengukur hubungan antara tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat, modal intelek dan prestasi syarikat. Bab ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu rangka kerja kajian, pembentukan hipotesis, metodologi kajian, definisi operasi dan pengukuran pembolehubah, kaedah analisis data dan rumusan bab.

3.1 Rangka Kerja Kajian

Pembolehubah bebas kajian ini adalah Tadbir Urus Korporat, Tanggungjawab Sosial Korporat dan Modal Intelek. Prestasi syarikat adalah pembolehubah bersandar. Definisi setiap komponen yang dibentangkan dalam rangka kerja ini akan dibincangkan dalam bahagian-bahagian berikut. Rajah 3.1 menunjukkan rangka kerja kajian.

Pembolehubah Bebas (IV)

Pembolehubah Bersandar (DV)



Rajah 3.1
Rangka Kerja Kajian

Teori-teori asas rangka kerja kajian ini adalah teori agensi, teori pihak berkepentingan dan teori berasaskan sumber.

Teori agensi mencadangkan bahawa disebabkan pemisahan antara pemilikan dan kawalan, pengurus sebagai ejen jika diberi peluang akan cenderung untuk mengejar kepentingan mereka sendiri dengan mengabaikan prinsipal iaitu pemegang saham mereka (Jensen & Meckling, 1976). Objektif utama pemegang saham adalah untuk memaksimumkan kekayaan peribadi mereka (Grinyer, 1995), manakala pengurus (agen) adalah didorong oleh kepentingan diri, seperti kuasa, reputasi dan gaji yang lebih tinggi.

Oleh itu, mempunyai pengarah bebas di lembaga pengarah akan membantu untuk memantau dan mengawal tingkah laku yang oportunistik daripada pengurus, dan mereka boleh membantu dalam menilai pengurus dengan cara yang lebih objektif. Satu lagi mekanisme pemantauan utama diperjuangkan dari perspektif agensi adalah pemisahan peranan ketua pegawai eksekutif daripada pengerusi. Jika kedua-dua peranan ini tidak dipisahkan, ini bermakna bahawa ketua pegawai eksekutif juga akan mempengerusikan sekumpulan orang yang bertanggungjawab (lembaga pengarah) bagi memantau dan menilai prestasi ketua pegawai eksekutif, dan dengan itu akan wujudnya konflik. Keadaan ini juga menimbulkan kemungkinan konflik kepentingan dan boleh menjejaskan kebebasan lembaga pengarah. Ini adalah kerana dalam keadaan itu, keupayaan ketua pegawai eksekutif atau pengerusi untuk menjalankan penilaian yang telus boleh dipersoalkan (Rechner & Dalton, 1989). Menurut teori agensi, masalah agensi wujud apabila ejen yang memegang jawatan sebagai ketua pegawai eksekutif memiliki agenda yang berlainan daripada kepentingan pemegang saham. Sifat konflik antara ketua pegawai eksekutif dan pemegang saham mungkin timbul kerana objektif ketua pegawai eksekutif mungkin tidak bertepatan dengan objektif pemegang saham.

Umumnya, hubungan di antara tanggungjawab sosial korporat dan prestasi kewangan dijangka positif mengikut kedua-dua teori pihak berkepentingan dan teori agensi (Aras, Aybar & Kutlu, 2010). Menurut teori pihak berkepentingan, pendedahan maklumat sosial dan alam sekitar oleh sesebuah organisasi adalah hasil daripada tekanan daripada pihak-pihak berkepentingan seperti komuniti, pelanggan, pekerja, alam sekitar, pemegang saham dan pembekal (Watts & Zimmerman, 1978). Teori ini menyimpulkan bahawa tanggungjawab sosial korporat adalah satu cara untuk menunjukkan imej yang

baik kepada pihak yang berkepentingan untuk meningkatkan keuntungan jangka panjang kerana ia akan membantu untuk mengekalkan pelanggan sedia ada dan menarik pelanggan yang baru.

Bagi modal intelek, teori pihak berkepentingan mencadangkan definisi pihak berkepentingan sebagai “orang yang memberi kesan dan/atau dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti firma” walaupun tidak mempunyai kepentingan langsung di dalam firma (Ranjith, 2007). Dalam konteks ini, "pihak berkepentingan" termasuk bukan sahaja penjual, pekerja, pelanggan, pengarah, dan kerajaan, tetapi juga anggota masyarakat secara keseluruhannya. Teori pihak berkepentingan menawarkan satu rangka kerja untuk menyiasat kesan ke atas prestasi syarikat dan amalan pihak berkepentingan. Komponen modal intelek iaitu modal insan dan modal struktur boleh menghasilkan pengetahuan yang kemudiannya boleh digunakan untuk menjana pendapatan masa depan syarikat. Di samping itu, Teori Berasaskan Sumber mencadangkan bahawa modal intelek boleh meningkatkan prestasi syarikat dengan mengurangkan kos, meningkatkan faedah kepada pelanggan, atau mencapai gabungan di antara kedua-duanya (Choudhury, 2010).

3.2 Pembentukan Hipotesis

Hipotesis kajian ini akan mengkaji kesan tiga (3) strategi iaitu tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek s kepada prestasi syarikat. Dalam kajian ini, kajian dan penulisan terdahulu akan digunakan untuk mengenal pasti sama ada strategi ini mempunyai apa-apa pengaruh dalam meningkatkan prestasi syarikat.

3.2.1 Tadbir Urus Korporat dan Prestasi Syarikat

Mekanisme tadbir urus korporat yang baik memberi keyakinan kepada pelabur dalam syarikat-syarikat bahawa pelaburan mereka akan menerima pulangan yang memuaskan (Shleifer & Vishny, 2012). Jika elemen-elemen tadbir urus korporat yang tidak wujud atau ia tidak berfungsi seperti yang sepatutnya, pelabur tidak akan meletakkan pelaburan mereka dalam firma atau membeli sekuriti ekuiti (saham syarikat). Akibatnya, pertumbuhan ekonomi negara mungkin akan menderita kerana banyak peluang perniagaan yang baik tidak direbut dan masalah kewangan sementara di firma-firma tertentu juga boleh merebak ke firma-firma lain, pekerja dan pengguna (Haat, Rahman & Mahenthiran, 2008). Ia telah dicadangkan bahawa hakisan keyakinan pelabur di Malaysia telah disebabkan oleh standard tadbir urus korporat yang lemah di negara ini dan kurangnya ketelusan dalam sistem kewangan (Rahman, Ku Ismail & Nordin, 2011). Tadbir urus korporat yang lemah adalah salah satu sebab utama yang dikaitkan kepada keruntuhan beberapa syarikat di Malaysia (Mohamad & Ibrahim, 2007).

Menurut Ghazali (2010), objektif utama tadbir urus korporat adalah untuk merealisasikan nilai pemegang saham jangka panjang dan ia dijangka bahawa syarikat-syarikat yang menerima pakai amalan terbaik dalam tadbir urus korporat akan menjadi lebih baik daripada syarikat yang lain. Tadbir urus korporat yang diukur melalui piawaian perakaunan yang lebih baik, perlindungan undang-undang yang lebih kukuh untuk pelabur dan peraturan yang lebih ketat untuk menjamin prestasi korporat yang baik (Haat, Rahman & Mahenthiran, 2008). Mereka juga menyatakan bahawa terdapat persepsi umum bahawa tadbir urus korporat yang lebih baik dikaitkan dengan prestasi

firma yang lebih baik dengan pengenalan peraturan-peraturan di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan syarat penyenaiaan di Bursa Malaysia.

Kajian terdahulu mencadangkan bahawa tadbir urus korporat mempunyai pengaruh yang positif ke atas prestasi korporat iaitu amalan tadbir urus yang baik dijangka meningkatkan prestasi korporat dan nilai firma (Alves & Mendes, 2004; Chang, Chang & Mansor, 2005; Gemmill & Thomas, 2004; Gunasekarage, Hess & Hu, 2007). Tadbir urus korporat boleh juga menyumbang di dalam meningkatkan prestasi operasi syarikat dan mencegah penipuan (Yeh, Lee, & Ko, 2002). Syarikat-syarikat dengan tadbir urus korporat yang lebih baik juga mempunyai prestasi operasi yang lebih baik daripada syarikat-syarikat dengan tadbir urus korporat yang lemah (Black, Jang, & Kan, 2002). Oleh kerana operasi yang lebih cekap, firma yang mempunyai kawalan yang lebih baik dijangkakan mempunyai pulangan yang lebih tinggi (Jensen & Meckling, 1976).

Perbincangan di atas menyediakan asas untuk menyokong hujah bahawa amalan tadbir urus korporat yang baik mempunyai pengaruh yang positif ke atas prestasi syarikat. Ini adalah selaras dengan teori agensi, di mana amalan tadbir urus yang baik menyediakan pemantauan yang lebih baik, melindungi kepentingan pemegang saham dan juga mengakibatkan prestasi syarikat yang lebih baik.

3.2.1.1 Pengarah Bebas dan Prestasi Syarikat

Konflik agensi adalah dijangka lebih tinggi dalam syarikat-syarikat kerana wujudnya perbezaan kepentingan antara pihak yang berkontrak (prinsipal-ejen)(Jensen &

Meckling, 1976). Salah satu konflik yang timbul ialah hubungan di antara di dalam ejen-prinsipal dan pemegang saham minoriti. Fama dan Jensen (1983) berhujah bahawa kewujudan pengarah bebas akan menyebabkan pemantauan yang lebih berkesan daripada lembaga pengarah dan menghadkan tingkah-laku oportunistik pengurusan. Ini kerana pengarah bebas sepatutnya turut menjaga kepentingan pemegang saham minoriti. Oleh itu, untuk mengurangkan konflik agensi, para pengarah bebas boleh dilantik ke Lembaga Pengarah. Tambahan pula, jika pengarah bebas berjaya menjalankan peranan pemantauan dan memastikan bahawa lembaga pengarah membuat keputusan demi kepentingan semua pemegang saham dan tingkah laku oportunistik pengurusan boleh dielakkan, maka prestasi syarikat akan menjadi lebih baik. Dehaene, Vuyst, dan Ooghe (2001) mendapati pengarah bebas mempengaruhi prestasi syarikat-syarikat Belgium dengan cara yang positif dan signifikan; wujud hubungan yang signifikan dan positif di antara bilangan pengarah luar dan pulangan ke atas ekuiti (ROE). Dahya dan McConnell (2003) mendapati bahawa pelabur melihat pelantikan pengarah luar sebagai berita baik, dan ini dapat dilihat dalam pengumuman pulangan saham berkala. Hasil kajian Abidin, Kamal dan Jusoff (2009) mendapati bahawa penekanan terhadap kepentingan pengarah bebas di dalam lembaga pengarah selaras dengan Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat (MCCG) dan syarat penyenaian Bursa Malaysia adalah dianggap penting untuk prestasi jangka panjang syarikat. Perbincangan di atas membawa kepada hipotesis berikut:

H1a: Terdapat hubungan yang positif di antara Pengarah Bebas di dalam Lembaga Pengarah dan prestasi syarikat.

3.2.1.2 Pemisahan Peranan Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif dan Prestasi Syarikat

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia mengesyorkan bahawa peranan pengerusi lembaga pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dipegang oleh dua individu yang berlainan bagi memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti. Peranan pengerusi bebas adalah penting untuk memastikan keputusan lembaga pengarah mencerminkan pandangan majoriti dan bukan dari personaliti yang dominan. Bantahan terhadap dualiti peranan Ketua Pegawai Eksekutif/ pengerusi berpunca daripada tanggapan bahawa pengerusi lembaga pengarah yang diamanahkan dengan pemantauan dan penilaian tindakan pengurusan atasan akan menilai prestasinya sendiri (Rhoades, Rechner & Sundaramurthy, 2001). Berdasarkan hujah ini, pemisahan peranan pengerusi dan ketua pegawai eksekutif sepatutnya akan membawa kepada keputusan korporat yang lebih baik dan dengan itu peningkatan prestasi syarikat.

Bukti empirikal mengenai hubungan antara dualiti peranan ketua pegawai eksekutif/ pengerusi dan prestasi korporat adalah kurang jelas. Brickley, Coles dan Jarre (1997) tidak menemui hubungan yang signifikan di antara struktur kepimpinan dengan pulangan berasaskan kriteria perakaunan dan pasaran. Bai, Liu, Lu, Song dan Zhang (2004) melaporkan bahawa bagi syarikat-syarikat di mana ketua pegawai eksekutif juga merupakan pengerusi atau naib pengerusi lembaga pengarah, penilaian pasaran untuk syarikat-syarikat ini adalah jauh lebih rendah. Hubungan negatif antara dualiti ketua pegawai eksekutif/pengerusi dan prestasi korporat juga didokumenkan di Hong Kong (Chen et al., 2005). Sebaliknya, peranan dualiti pengerusi/ ketua pegawai eksekutif telah didapati signifikan dan positif apabila dikaitkan dengan prestasi korporat dalam syarikat-

syarikat Belgium yang diukur dengan ROA (Dehaene et al., 2001). Dalam konteks Malaysia, dua keputusan yang bercanggah telah didokumenkan dalam penyelidikan terdahulu. Walaupun Chang Aik Leng dan Abu Mansor (2005) mendapati dualiti peranan Ketua Pegawai Eksekutif/ pengerusi signifikan dan positif apabila dikaitkan dengan prestasi korporat, Rahman dan Haniffa (2005) melaporkan sebaliknya. Kedua-dua kajian itu telah menggunakan data pra-2001. Ia dijangka bahawa dengan pelaksanaan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2011) yang mencadangkan pengasingan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif prestasi syarikat akan meningkat. Berdasarkan perbincangan di atas, hipotesis berikut telah dibentuk:

H1b: Terdapat hubungan yang positif antara Pengarah bebas di dalam Lembaga Pengarah dengan Prestasi Syarikat (ROE).

H1c: Pemisahan peranan pengerusi lembaga pengarah/ ketua pegawai eksekutif memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat (ROA).

3.2.2 Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) dan Prestasi Syarikat

3.2.2.1 Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat

Menurut Siwar dan Hossain (2009), tanggungjawab sosial korporat sebenarnya boleh meningkatkan reputasi, jenama dan persepsi pihak berkepentingan terhadap syarikat. tanggungjawab sosial korporat adalah satu konsep penciptaan nilai (“value creation”) dengan tujuan memenuhi kehendak pelanggan. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat, pelanggan telah memboikot lebih daripada 800 produk, kerana produk syarikat-syarikat

berkenaan tidak menjalankan tanggungjawabnya kepada masyarakat. Menurut teori pihak berkepentingan, pendedahan maklumat sosial dan alam sekitar oleh sesebuah organisasi adalah hasil daripada tekanan daripada pihak-pihak berkepentingan seperti komuniti, pelanggan, pekerja, pencinta alam sekitar, pemegang saham dan pembekal (Watts & Zimmerman, 1978). Teori ini menyimpulkan bahawa tanggungjawab sosial korporat adalah satu cara untuk menunjukkan imej yang baik kepada pihak berkepentingan ini untuk meningkatkan prestasi syarikat kerana ia akan membantu untuk mengekalkan pelanggan sedia ada dan menarik pelanggan yang baru.

Margolis dan Walsh (2001) telah mengkaji semula 80 kajian empirikal yang dijalankan antara 1972 hingga 2001, dan melaporkan bahawa: "Apabila digunakan sebagai pembolehubah bebas, prestasi sosial korporat didapati mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi syarikat di dalam 42 kajian (53%), tiada hubungan di dalam 19 kajian (24%), hubungan yang negatif di dalam 4 kajian (5%), dan hubungan yang bercampur-campur di dalam 15 kajian (19%)". Menurut Orlitzky, Schmidt dan Rynes (2003), hubungan kukuh ditemui di antara prestasi syarikat dan prestasi sosial korporat dan hubungan ini adalah lebih kuat apabila dinilai dengan kriteria-kriteria prestasi berasaskan perakaunan (ROA dan ROE) berbanding kriteria berasaskan pasaran. Kajian yang dijalankan oleh salah satu perunding tanggungjawab sosial korporat terkemuka di United Kingdom iaitu csrnetwork.org (2006) menunjukkan bahawa syarikat yang melibatkan diri dalam tanggungjawab sosial korporat akan membawa kepada prestasi syarikat yang lebih baik. Montabon, Sroufe dan Narasimhan (2007) mendapati hubungan yang positif dan signifikan di antara prestasi syarikat dan tanggungjawab sosial korporat dalam kajian mereka ke atas 45 laporan korporat yang terdiri daripada

campuran antara firma-firma Amerika Syarikat dan antarabangsa. Di Nigeria, Ngwakwe (2009) mendedahkan bahawa amalan mampan syarikat-syarikat 'bertanggungjawab' mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi syarikat. Menassa (2010) mendapati hubungan yang kuat di antara pembolehubah prestasi syarikat (ROE) dan Pendedahan Sosial Korporat (PSK) dalam kajian mereka ke atas bank perdagangan di Lubnan.

Dari hujah di atas, hipotesis yang di bentuk adalah seperti berikut:

H2: Pendedahan tanggungjawab sosial korporat memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat.

H2a: Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat tidak memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat (ROA).

H2b: Pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat tidak memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat (ROE).

3.2.3 Modal Intelek dan Prestasi Syarikat

Modal intelek dianggap sebagai sumber yang kritikal untuk menjamin prestasi firma yang berterusan (Choo & Bontis, 2002). Sesungguhnya, modal intelek telah menjadi faktor yang lebih penting untuk kejayaan perniagaan daripada faktor pengeluaran (Choo & Bontis, 2002). Memahami peranan modal intelek dalam mewujudkan nilai adalah penting bagi mencapai kelebihan daya saing dalam pasaran dan prestasi kewangan yang lebih baik (Choo & Bontis, 2002).

Terdapat banyak kajian terdahulu yang menilai hubungan antara modal intelek dan prestasi syarikat. Di Malaysia, Bontis, Keow dan Richardson (2000) telah menemuramah 107 pelajar sambilan MBA dari Kuala Lumpur dan Seremban dan

mendapati bahawa modal intelek mempunyai hubungan yang signifikan dan substantif dengan prestasi syarikat tidak mengira sektor industri. Di Taiwan, Chen et al. (2005) membuat kesimpulan bahawa modal intelek memang aset strategik yang penting, kerana ia berkaitan secara positif dengan prestasi syarikat. Ini juga disokong oleh Shiu (2006) yang mengkaji hubungan antara prestasi syarikat dan modal intelek dan mendapati bahawa nilai tambah modal intelek mempunyai korelasi positif yang signifikan dengan prestasi syarikat yang diukur dengan ROA. Tan, Plowman dan Hancock (2007) memeriksa 150 syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Singapura antara 2000 dan 2002, untuk menguji hubungan antara nilai tambah modal intelek dan prestasi syarikat itu yang diukur dengan ROE. Hasilnya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara nilai tambah modal intelek dan prestasi syarikat. Cabrita dan Bontis (2008) di dalam kajian ke atas 53 bank di Portugal juga mengenal pasti hubungan positif di antara modal intelek dan prestasi syarikat. Gan dan Saleh (2008) yang telah memeriksa syarikat berteknologi intensif yang tersenarai di Bursa Malaysia telah mendapati hubungan positif dan signifikan di antara nilai tambah modal intelek dan ROA. Muhammad dan Ismail (2009) di dalam kajian ke atas 18 syarikat di bawah sektor kewangan di Malaysia mendapati bahawa modal intelek mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan prestasi syarikat diukur dengan ROA.

Dari hujah di atas, hipotesis yang di bentuk adalah seperti berikut:

H3: Modal intelek memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat.

H3a: Modal intelek memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat (ROA).

H3b: Modal intelek memberi kesan yang signifikan ke atas prestasi syarikat (ROE).

3.3 Metodologi Kajian

3.3.1 Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan di dalam kajian ialah kajian kuantitatif di mana kajian deskriptif dijalankan untuk mengambil data mentah dan merumuskan ia ke dalam bentuk yang boleh digunakan untuk menentukan hubungan di antara pembolehubah. Data untuk kajian ini menggunakan laporan tahunan syarikat bagi tahun 2014.

3.3.2 Sampel dan Pengumpulan Data

3.3.2.1 Sampel

Syarikat-syarikat sampel adalah syarikat-syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia. Kajian ini dijalankan pada tahun 2015, maka Laporan Tahunan Syarikat Tersenarai bagi tahun 2014 yang merupakan tahun semasa telah dipilih sebagai data kajian. Jumlah syarikat bagi tahun berakhir 2014 adalah 844. Berdasarkan formula penentuan saiz sampel oleh Tabachnick dan Fidell (2007), saiz sampel kajian yang perlu digunakan mestilah $N > 50 + 8M$ (di mana “M” adalah mewakili nombor pembolehubah bebas). Bagi kajian ini, terdapat tiga pembolehubah bebas. Oleh yang demikian, saiz sampel mestilah melebihi 82 ($50 + 8(3)$). Kajian ini telah menggunakan sebanyak 140 sampel dan ini telah memenuhi kriteria saiz sampel yang dicadangkan oleh Tabachnick dan Fidell (2007).

3.3.2.2 Teknik Persampelan

Pemilihan syarikat dijalankan dengan berdasarkan kategori sektor perniagaan kecuali perlombongan dan pelaburan harta tanah (REIT) di papan utama Bursa Malaysia bagi tahun 2014. Sektor perlombongan dikecualikan kerana ia hanya mempunyai satu (1) syarikat. Syarikat pelaburan harta tanah (REIT) juga tidak dimasukkan kerana hanya terdapat beberapa syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Di samping itu, semua syarikat di bawah sektor infrastruktur dan hotel tidak dipilih kerana nombornya adalah kecil.

3.3.2.3 Pengumpulan Data

Data yang berkaitan dengan pembolehubah bebas akan dikumpulkan daripada laporan tahunan syarikat tahun 2014. Laporan tahunan 2014 memandangkan ia adalah laporan tahunan tahun semasa bagi kajian ini semasa ia dijalankan. Laporan tahunan dimuat turun daripada laman web Bursa Malaysia.

3.3.3 Unit Analisis

Unit analisis dalam kajian ini adalah syarikat tersenarai awam di Malaysia.

3.3.4 Instrumen Kajian

Data untuk kajian ini adalah data sekunder dan data dikutip melalui maklumat daripada laporan tahunan syarikat syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia bagi tahun 2014. Pengukuran instrumen dan pembolehubah diterangkan di bahagian 3.4.5.

3.3.5 Definisi Operasi dan Pengukuran Pembolehubah

3.3.5.1 Prestasi Syarikat

Dalam mengukur prestasi, penilaian syarikat berdasarkan ROA dan ROE telah digunakan, di mana keuntungan sebelum faedah dan cukai digunakan sebagai penyebut kerana ia menunjukkan prestasi sebenar syarikat sebagai pembolehubah bersandar. Pengkaji terdahulu menggunakan kaedah yang berbeza dalam mengukur prestasi firma seperti harga saham, dividen akan dibayar, ROA, ROE dan sebagainya. Dalam kajian ini, ROA dan ROE digunakan sebagai petunjuk untuk prestasi firma.

(i) ROA dikira menggunakan persamaan berikut:


$$\text{ROA} = \frac{\text{Pendapatan Bersih}}{\text{Jumlah Aset}} \times 100$$

Pendapatan bersih diperoleh dengan mengambil keuntungan sebelum cukai dan sebelum membiayai caj itu, $\text{ROA} = \text{Keuntungan sebelum faedah dan cukai} / \text{Jumlah Aset} \times 100$.

(ii) ROE berasal melalui formula berikut:

$$\text{ROE} = \frac{\text{Pendapatan Bersih}}{\text{Ekuiti Pemegang Saham}} \times 100$$

Oleh itu, $\text{ROE} = \text{Keuntungan sebelum faedah dan cukai} / \text{Jumlah Ekuiti} \times 100$

3.3.5.2 Tadbir Urus Korporat

Pembolehkan tadbir urus korporat diperoleh daripada laporan tahunan syarikat di laman web Bursa Malaysia bagi tahun fiskal 2014. Dalam mengukur tadbir urus korporat, dualiti peranan Pengerusi lembaga pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif ditetapkan sebagai pembolehkan binari dan kebebasan lembaga pengarah, ditetapkan sebagai bilangan pengarah bebas berbanding saiz lembaga pengarah.

- Dualiti peranan Pengerusi lembaga pengarah/ketua pegawai eksekutif - Ini adalah pembolehkan binari yang mempunyai nilai "1" jika seseorang individu mempunyai jawatan pengerusi dan juga merangkap Ketua Pegawai Eksekutif atau jika seseorang individu mempunyai kedudukan eksekutif dan tidak ada Ketua Pegawai Eksekutif berasingan. Jika kedua-dua jawatan itu disandang individu berasingan, nilainya adalah "0".
- Pengarah bebas atau pengarah bukan eksekutif (NED) - ini mengukur bilangan pengarah bukan eksekutif di dalam lembaga pengarah. Ia akan diwakili nombor binary "1" jika para pengarah bebas mewakili sekurang-kurangnya satu pertiga daripada jumlah lembaga pengarah. Nombor binari "0" digunakan jika bilangan pengarah bebas adalah kurang daripada satu pertiga jumlah lembaga pengarah.

3.3.5.3 Tanggungjawab Sosial Korporat

Tanggungjawab sosial korporat akan diukur oleh indeks pendedahan tanggungjawab sosial korporat. Item pendedahan tanggungjawab sosial korporat akan diambil dari

laporan tahunan dan laman web syarikat. Indeks pendedahan tanggungjawab sosial korporat dibina selepas menggabungkan kedua-dua item pendedahan tanggungjawab sosial korporat yang terkandung di dalam laporan tahunan dan laman web syarikat-syarikat tersebut. Indeks pendedahan tanggungjawab sosial korporat akan dibangunkan dengan menambah semua item yang meliputi lima (5) tema iaitu alam sekitar, komuniti, sumber manusia, tenaga dan produk. Indeks ini akan dibangunkan dengan menggunakan keadah 'dichotomous', di mana markah " 1" diberikan jika syarikat itu mendedahkan item tanggungjawab sosial korporat dan "0" jika ia tidak. Kemudian, kesemua markah ini akan dijumlahkan dan dinilai sama rata (Lin dan Chong, 2010)

3.3.5.4 Modal Intelekt

Nilai tambah modal intelek ialah model yang menilai modal intelek firma yang dicipta oleh Pulic (1998). Nilai tambah modal intelek mengukur berapa banyak nilai baru telah dicipta bagi setiap unit kewangan yang dilabur. Nilai tambah modal intelek terdiri Kecekapan Modal (CEE), Kecekapan Modal Insan (HCE), dan Kecekapan Modal Struktur (SCE) (Gan dan Saleh, 2008, Tan et al., 2007)

Prosedur untuk mengira nilai tambah modal intelek adalah seperti berikut:

Langkah 1

- Kira Nilai Tambah (VA), yang diperoleh daripada perbezaan di antara output dan input.

$$(VA = Output - Input)$$

- Selaras dengan Belkaoui (2003), nilai tambah dinyatakan sebagai:

$$VA = S - B - DP = W + I + T + D + NI$$

- Di mana S adalah hasil jualan bersih; B ialah kos barangan yang dijual; DP adalah susut nilai; W adalah kos kakitangan; I adalah kos faedah, D adalah dividen; dan T adalah cukai dan NI adalah pendapatan bersih.

Langkah 2

- Kira modal kerja fizikal (CE), modal insan (HC) dan modal struktur (SC).
- Pulic (1998) menyatakan bahawa $CE_i =$ Nilai buku aset bersih bagi firma i;
- Edvinsson dan Malone (1997) dan Pulic (1998) menegaskan bahawa jumlah gaji dan upah kos adalah penunjuk modal insan (HC) firma, oleh itu, $HCI =$ Jumlah perbelanjaan dalam gaji dan upah bagi firma i;
- Untuk memperolehi nilai SC, nilai modal struktur firma perlu diwujudkan terlebih dahulu. Di bawah model Pulic ini, SC adalah VA tolak HC. Lebih kecil sumbangan modal insan (HC) dalam penciptaan nilai, lebih besar adalah sumbangan modal struktur (SC). Pulic mencadangkan mengira modal struktur (SC) sebagai: $SCI = V_{ai} - HCI_i$; modal struktur bagi firma i.

Langkah 3

Langkah terakhir adalah untuk mengira kecekapan modal fizikal (CEE), kecekapan modal insan (HCE) dan kecekapan modal struktur (SCE). Nilai-nilai ini diperolehi dengan menggunakan formula di bawah:

- $CEE_i = V_{ai} / CEI_i$; Modal VA pekali bekerja bagi firma i

- $HCE_i = V_{ai} / HCI$; VA pekali modal insan bagi firma i
- $SCE_i = S_{ains} / V_{ai}$; VA pekali modal struktur bagi firma i

Nilai tambah modal intelek adalah jumlah komposit tiga petunjuk CEE, HCE dan SCE.

3.3.6 Kaedah Analisis Data

Kajian ini menggunakan kedua-dua kaedah analisis deskriptif dan inferensi.

3.3.6.1 Analisis Deskriptif

Untuk mendapat gambaran kasar berkenaan data, statistik deskriptif (nilai min dan sisihan piawai) bagi semua pembolehubah diperolehi. Tujuan analisis deskriptif adalah untuk membentangkan data mentah dan mengubahnya ke satu bentuk yang akan menjadikan ia mudah untuk difahami dan ditafsir.

3.3.6.2 Analisis Inferensi

3.3.6.2.1 Analisis Korelasi

Analisis korelasi digunakan untuk menggambarkan kekuatan dan arah hubungan antara dua pembolehubah. Dalam kajian ini, hubungan di antara tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat, modal intelek dan prestasi diperiksa menggunakan analisis ini. Korelasi yang positif akan menunjukkan bahawa peningkatan satu

pembolehubah akan menyebabkan peningkatan kepada pembolehubah yang lain. Korelasi negatif pula akan menunjukkan bahawa peningkatan satu pembolehubah akan menyebabkan penurunan kepada pembolehubah yang lain. Korelasi yang sempurna bernilai 1, atau -1 menunjukkan bahawa hubungan satu pembolehubah boleh dijelaskan dengan tepat dengan pembolehubah yang satu lagi. Sebaliknya, korelasi 0 menunjukkan tiada hubungan antara kedua-dua pembolehubah.

3.3.6.2 Analisis Regresi Berganda

Analisis regresi berganda adalah kaedah korelasi yang lebih canggih dan digunakan untuk meneroka keupayaan ramalan satu set pembolehubah bebas terhadap satu pembolehubah bersandar (Pallant, 2001). Untuk menguji hipotesis yang dibangunkan dalam kajian ini, analisis regresi berganda digunakan. Model regresi berganda seperti berikut telah dibangunkan:

$$Y = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \varepsilon$$

Dimana:

Y = pemboleh ubah bersandar (ROA dan ROE)

α = nilai konstan

β = Penganggar (coefficients)

X_1 = Bilangan Pengarah Bebas

X_2 = Dualiti

X_3 = Tanggungjawab sosial

X_4 = Modal Intelek

ε = Ralat Standard

Selain itu, jumlah varians prestasi dijelaskan oleh pembolehubah bebas juga diperiksa melalui analisis ini. Sebelum meneruskan analisis ini, andaian asas kelinearan (mewakili sejauh mana perubahan dalam pembolehubah bersandar dikaitkan dengan pembolehubah bebas), kebiasaan pengedaran dan homoscedasticity Terma ralat (variens berterusan terma ralat) telah diperiksa terlebih dahulu. Sebelum keputusan regresi dianggap sah, tahap multikolinearan dan kesannya terhadap keputusan diperiksa. Oleh itu, faktor inflasi varians (VIF) dan indeks keadaan untuk semua pembolehubah diperiksa. Menurut Hair, Anderson, Tatham dan Black (1998), VIF yang perlu ditutup kepada 1.00 untuk menunjukkan multikolinearan sedikit atau tiada langsung. Mereka seterusnya mencadangkan nilai 'cut-off' 10.00 sebagai VIF yang boleh diterima.

3.4 Rumusan Bab

Literatur dan penyelidikan terdahulu telah mengenal pasti ciri-ciri tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang mengumpul data untuk menentukan tahap pematuhan dengan kod tadbir urus korporat (MGCC 2011) berkenaan kebebasan lembaga pengarah dan pemisahan peranan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengerusi, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek. Data yang berkaitan dengan ketiga-tiga strategi tersebut telah dikumpulkan untuk menentukan hubungan mereka dengan prestasi syarikat.

BAB EMPAT

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Objektif bab ini adalah untuk membentangkan hasil analisis data yang berkaitan dengan topik kajian: Kesan tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek terhadap prestasi syarikat di Bursa Malaysia yang disenaraikan. Bab ini merangkumi statistik deskriptif serta inferens yang berkaitan dengan objektif kajian. Fungsi asas bab ini adalah untuk memberikan maklumat tentang analisis data. Bab ini dimulakan dengan perbincangan mengenai latarbelakang sampel yang digunakan. Ini diikuti oleh analisis deskriptif dan pengujian hipotesis kajian yang menggunakan analisis inferens.

4.1 Latar Belakang Syarikat

Sampel yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 140 syarikat terpilih yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi tahun 2014. Latar belakang syarikat dirumuskan dalam Jadual 4.1. Kebanyakan syarikat yang terlibat dalam kajian ini adalah dari sektor produk industri (31.4%), diikuti oleh sektor perkhidmatan/perdagangan (27.9%) dan produk pengguna (17.1%). Syarikat-syarikat lain adalah daripada sektor pembinaan (10.7%), perladangan (7.1%) dan kewangan (5.7%). Kebanyakan syarikat juga mempunyai ahli Lembaga Pengarah yang kurang dari enam orang (52.1%). Hanya 2.9 peratus syarikat mempunyai ahli Lembaga Pengarah melebihi 12 orang, dan selebihnya mempunyai ahli Lembaga Pengarah antara 7 hingga 11 orang (45.0%).

Jadual 4.1
Latar Belakang Syarikat

| | Frekuensi | Peratusan |
|------------------------------|-----------|-----------|
| Sektor | | |
| Produk Pengguna | 24 | 17.1 |
| Produk Industri | 44 | 31.4 |
| Perkhidmatan Perdagangan | 39 | 27.9 |
| Pembinaan | 15 | 10.7 |
| Perladangan | 10 | 7.1 |
| Kewangan | 8 | 5.7 |
| Saiz Lembaga Pengarah | | |
| Kurang 6 Ahli | 73 | 52.1 |
| 7 - 11 Ahli | 63 | 45.0 |
| Lebih dari 12 | 4 | 2.9 |

N=140

4.2 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif dijalankan bagi mengenal pasti tahap tadbir urus korporat, pelaporan tanggungjawab sosial korporat, modal intelek dan prestasi syarikat di Bursa Malaysia. Skor min bagi prestasi syarikat, tadbir urus korporat, pendedahan tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek telah diperolehi berdasarkan data dari penyata tahunan bagi tahun 2014.

4.2.1 Prestasi Syarikat

Prestasi syarikat diukur berdasarkan ROA dan ROE. Jadual 4.2 menunjukkan prestasi 140 syarikat terlibat dalam kajian ini. Keseluruhannya, skor purata (min) bagi ROA adalah 7.13 (min = 7.13, sp = 6.90). ROA adalah nisbah pendapatan bersih ke atas jumlah aset; min skor sebanyak 7.13 menunjukkan bahawa rata-rata syarikat mendapat keuntungan 7.13 sen bagi setiap RM1 aset yang digunakan. ROE pula adalah nisbah pendapatan bersih atas ekuiti pemegang saham dan skor purata sebanyak 12.88 (min =

12.88, $sp = 13.88$) menunjukkan bahawa rata-rata syarikat mendapat keuntungan sebanyak 12.88 sen bagi setiap RM1 daripada ekuiti pemegang saham.

Jadual 4.2
Analisis Deskriptif Prestasi Syarikat

| | Minimum | Maksimum | Min | Sisihan Piawai |
|----------------------------|---------|----------|-------|----------------|
| Pulangan Atas Aset (ROA) | -21.37 | 32.78 | 7.13 | 6.90 |
| Pulangan Atas Ekuiti (ROE) | -25.17 | 73.82 | 12.88 | 13.88 |

4.2.2 Tadbir Urus Korporat

Jadual 4.3 pula menunjukkan bilangan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Kebanyakan syarikat terlibat mempunyai sebanyak empat (28.6%), diikuti pula sebanyak lima (22.1%) dan tiga (21.4%). Masing-masing sebanyak 9.3 peratus mempunyai sebanyak dua dan enam, manakala selebihnya mempunyai sebanyak satu (1.4%), tujuh (4.3%) dan lapan (3.6%).

Jadual 4.3
Analisis Deskriptif Bilangan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

| Bilangan | Frekuensi (syarikat) | Peratusan (%) |
|----------|----------------------|---------------|
| 1 | 2 | 1.4 |
| 2 | 13 | 9.3 |
| 3 | 30 | 21.4 |
| 4 | 40 | 28.6 |
| 5 | 31 | 22.1 |
| 6 | 13 | 9.3 |
| 7 | 6 | 4.3 |
| 8 | 5 | 3.6 |

Analisis deskriptif bagi bilangan pengarah bebas bukan eksekutif dirumuskan dalam Jadual 4.4. Ia menunjukkan bahawa purata bilangan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah 4.23 (Min = 4.23, sp = 1.49). Ini menunjukkan bahawa purata syarikat terlibat mempunyai bilangan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sebanyak empat orang.

Jadual 4.4

Analisis Deskriptif Bilangan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

| | Minimum | Maksimum | Min | Sisihan Piawai |
|-----------------------------------------------------------------|---------|----------|------|----------------|
| Nisbah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan Saiz Lembaga Pengarah | 1.00 | 8.00 | 4.23 | 1.49 |

Jadual 4.5 pula menunjukkan peranan Ketua Pegawai Eksekutif. Bagi peranan dualiti, bilangan syarikat menunjukkan skor sebanyak 1.4 peratus. Manakala bagi Pengerusi pula menunjukkan skor yang sebaliknya iaitu 98.6 peratus bagi. Ini menunjukkan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif tidak berperanan sebagai Pengerusi dan ada pemisahan kuasa di antara Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi yang telah dilaksanakan dengan baik.

Jadual 4.5

Analisis Deskriptif Pembahagian peranan Ketua Pegawai Eksekutif

| | Frekuensi | Peratusan |
|-----------|-----------|-----------|
| Pengerusi | 138 | 98.6 |
| Dualiti | 2 | 1.4 |

4.2.3 Tanggungjawab Sosial Korporat

Jadual 4.6 di bawah memaparkan skor purata bagi tanggungjawab sosial korporat bagi 140 buah syarikat yang mengambil bahagian dalam kajian. Jumlah skor atau skor

maksimum adalah lima (5) apabila syarikat memberikan pernyataan terhadap semua tema 5. Secara keseluruhannya, skor purata (min) bagi tanggungjawab sosial korporat adalah 3.65, iaitu skor yang tinggi.

Jadual 4.6

Analisis Deskriptif Tanggungjawab Sosial Korporat

| | Minimum | Maksimum | Min | Sisihan Piawai |
|-----------------------------|----------------|-----------------|------------|-----------------------|
| Jumlah Tanggungjawab Sosial | 1.00 | 5.00 | 3.65 | 0.72 |

4.2.4 Modal Intelek

Seterusnya, bahagian ini membincangkan analisis deskriptif bagi modal intelek. Jadual 4.7 menunjukkan hasil ujian deskriptif bagi tujuan tersebut. Hasil ujian menunjukkan skor purata modal intelek adalah 308.63 (min = 308.63, sp = 3684.84). Nilai min ini menunjukkan purata syarikat yang terlibat dalam kajian mempunyai modal intelek yang agak rendah, berbanding nilai maksimum iaitu 42,329.37.

Jadual 4.7

Analisis Deskriptif Modal Intelek

| | Minimum | Maksimum | Min | Sisihan Piawai |
|---------------|----------------|-----------------|------------|-----------------------|
| Modal Intelek | -4177.94 | 42329.37 | 308.63 | 3684.84 |

4.3 Analisis Korelasi

Seterusnya, bahagian ini menguji perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah kajian. Oleh itu, penyelidik telah menggunakan analisis melalui ujian korelasi untuk tujuan tersebut. Analisis korelasi adalah merupakan analisis di antara dua atau lebih pembolehubah (Cooper dan Schindler, 2003). Analisis korelasi dipilih kerana ianya sesuai untuk mengenal pasti jenis keserasian, menjelaskan hubungan yang kompleks antara faktor-faktor yang dapat menjelaskan hasil dan meramal hasil daripada faktor peramal (Creswell, 2005). Korelasi Pearson digunakan untuk mengukur perkaitan linear antara dua pembolehubah tidak bersandar untuk menunjukkan signifikan, arah (positif atau negatif) dan kekuatan setiap hubungan yang wujud. Kekuatan perkaitan di antara pembolehubah yang dibangunkan Davis (1971) berdasarkan Jadual 4.8.

Jadual 4.8:
Nilai Korelasi dan Kekuatan Hubungan

| | Nilai Korelasi | Kekuatan Hubungan |
|----|------------------------------|--------------------------|
| 1. | ± 0.70 ke atas | Sangat Kuat |
| 1. | ± 0.50 hingga ± 0.69 | Kuat |
| 2. | ± 0.30 hingga ± 0.49 | Sederhana Kuat |
| 3. | ± 0.1 hingga ± 0.29 | Lemah |
| 4. | ± 0.01 hingga ± 0.09 | Sangat Lemah |

4.3.1 Pulangan atas Aset

Jadual 4.9 merumuskan hasil ujian korelasi Pearson bagi menguji hubungan antara pembolehubah bebas (Bilangan Pengarah Bebas, Dualiti, tanggungjawab sosial korporat dan Modal Intelek) dengan ROA. Hasil ujian menunjukkan nilai pekali korelasi (r) sederhana bagi kebanyakan pembolehubah. Bilangan Pengarah Bebas menunjukkan hubungan yang signifikan dengan ROA ($r = 0.228$, $p < 0.05$), diikuti oleh Modal intelek ($r = 0.248$, $p < 0.05$) dan Dualiti ($r = -0.171$, $p < 0.05$), dengan hubungan yang negatif. Tanggungjawab sosial korporat pula gagal menunjukkan hubungan signifikan dengan ROA ($r = 0.058$, $p > 0.05$).

Jadual 4.9
Hubungan antara Pembolehubah Bebas dengan ROA

| | Bilangan Pengarah Bebas | Dualiti | CSR | Modal Intelek | ROA |
|-----------------------|-------------------------|---------|--------|---------------|-----|
| Nisbah Pengarah Bebas | 1 | | | | |
| Dualiti | .416** | 1 | | | |
| CSR | .223** | .366** | 1 | | |
| Modal Intelek | .504** | .445** | .363** | 1 | |
| ROA | .228** | -.171* | .058 | .248** | 1 |

Nota: ** $p < 0.01$; * $p < 0.05$

4.3.2 Pulangan atas Ekuiti

Seterusnya, Jadual 4.10 menunjukkan hasil ujian korelasi Pearson bagi menguji hubungan antara pembolehubah kajian dengan ROE. Hasil ujian menunjukkan modal intelek mempunyai hubungan yang signifikan yang sederhana dengan ROE ($r = 0.375$, $p < 0.01$), diikuti oleh bilangan pengarah bebas ($r = 0.325$, $p < 0.01$) dan Dualiti ($r = -$

0.245, $p < 0.05$). Bagaimanapun, hasil ujian mendapati bahawa tanggungjawab sosial korporat tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan ROE ($p > 0.05$).

Jadual 4.10
Hubungan antara Pembolehubah Bebas dengan ROE

| | Bilangan Pengarah Bebas | Dualiti | CSR | Modal Intelek | ROE |
|-----------------------|-------------------------|---------|--------|---------------|-----|
| Nisbah Pengarah Bebas | 1 | | | | |
| Dualiti | .416** | 1 | | | |
| CSR | .223** | .366** | 1 | | |
| Modal Intelek | .504** | .445** | .363** | 1 | |
| ROE | .325** | -.245* | .126 | .375** | 1 |


*Nota: ** $p < 0.01$; * $p < 0.05$*

4.4 Pengujian Hipotesis

Seksyen berikut membentangkan hasil ujian statistik bagi menguji hipotesis yang telah dibangunkan. Hipotesis yang dibangunkan secara amnya bertujuan untuk menjawab persoalan kajian iaitu mengenai perhubungan antara tiga pembolehubah bebas (tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan modal intelek) dengan prestasi Syarikat (ROA dan ROE). Bagi menguji semua hipotesis ini, ujian regresi berganda telah dijalankan. Bagaimanapun, sebelum analisis dijalankan, data terlebih dahulu diperiksa bagi mencapai andaian-andaian multivariate iaitu lineariti, normaliti dan homoscedasticiti (Hair et al., 2010).

Kaedah lineariti digunakan untuk menggambarkan hubungan antara pembolehubah dan pemalar dimana ia disambungkan melalui garis lurus. Lineariti ditentukan dengan menggunakan analisis regresi mudah dan juga mengamati residual. Residual memberi


kesan kepada bahagian yang tidak dijelaskan dari pembolehubah bersandar. Maka, dengan itu sebarang ketidaklinearan hubungan akan terpapar dalam *residual* (Hair et al., 2010). Dalam penyelidikan ini, tiada bentuk hubungan *curvilinear* yang terpapar dalam plot serakan (Rujuk Rajah 4.1). Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa tiada pencemaran dalam andaian lineariti data.



Rajah 4.1
Scatterplot Standardised Residual bagi menguji Lineariti


Andaian seterusnya yang perlu dipatuhi ialah kehomoskedastian. Ujian ini dilakukan untuk melihat kebolehubahan dalam skor untuk satu pembolehubah adalah sama atau disebaliknya bagi nilai pembolehubah-pembolehubah lain. Ia juga merupakan jangkaan bahawa pembolehubah endogen memaparkan jumlah varian yang sama bagi setiap julat pembolehubah eksogen (Hair et al., 2010). Kehomoskedastian tercapai jika serakan nilai varian bagi pembolehubah endogen secara relatifnya adalah sama bagi setiap nilai

pembolehubah eksogen. Rajah 4.2 membuktikan bahawa ciri kehomoskedestian bagi data kajian adalah dicapai.



Rajah 4.2
Scatterplot Studentized Regression bagi Ujian Kehomoskedestian

Normaliti merujuk kepada serakan data bagi pembolehubah matrik individu dan hubungannya dengan serakan normal (Hair et al., 2010). Menurut Hair et al. (2010), jika variasi dari serakan normal adalah cukup besar maka ujian statistik yang terhasil adalah tidak sah. Pengujian normaliti dijalankan dengan menggunakan kaedah visual. Kaedah visual merujuk kepada pemerhatian kepada keluk dalam gambarajah histogram yang tertumpu kepada keluk yang berbentuk seperti loceng. Pemeriksaan visual menunjukkan taburan adalah bertumpu dalam keluk berbentuk loceng (Rujuk Rajah 4.3). Maka, dapat disimpulkan bahawa data ini tersebar secara normal.



Rajah 4.3
Histogram bagi menguji Normaliti

4.4.1 Analisis Regresi Berganda antara Pembolehubah Bebas Dan Prestasi Syarikat

Analisis regresi berganda dijalankan untuk menentukan kesan serentak ketiga-tiga pembolehubah bebas dengan prestasi syarikat. Jadual 4.11 menunjukkan hasil ujian tersebut. Hasil ujian mendapati semua pembolehubah bebas menerangkan 20.4 peratus varian dalam ROA ($R^2 = 0.204$, $F = 8.660$, $p < 0.01$). Hasil ujian turut mendapati hanya tiga pemboleh ubah sahaja iaitu pengarah bebas, dualiti dan modal intelek yang berjaya memberi kesan yang signifikan ke atas ROA iaitu bilangan pengarah bebas ($B = 0.244$, $t = 2.661$, $p < 0.01$); dualiti ($B = -0.422$, $t = -4.634$, $p < 0.01$) dan modal intelek ($B = 0.295$, $t = 3.083$, $p < 0.01$).

Jadual 4.11
Hubungan antara Pembolehubah Bebas dan ROA

| | B | t | Sig. | Tolerance | VIF |
|-------------------------|----------|----------|-------------|------------------|------------|
| Bilangan Pengarah Bebas | .244 | 2.661 | .009 | .700 | 1.428 |
| Dualiti | -.422 | -4.634 | .000 | .709 | 1.410 |
| Tanggungjawab sosial | .051 | .601 | .549 | .816 | 1.226 |
| Modal Intelek | .295 | 3.083 | .002 | .644 | 1.552 |
| R ² | 0.204 | | | | |
| Adj R ² | 0.181 | | | | |
| F | 8.660 | | | | |
| Sig. | 0.000 | | | | |
| Konstan | 0.000 | | | | |
| Ralat | 0.905 | | | | |

Jadual 4.12 pula menunjukkan bahawa semua pembolehubah bebas menerangkan ROE secara signifikan sebanyak 69.1 peratus ($R^2 = 0.691$, $F = 75.359$, $p < 0.01$). Ujian turut mendapati tiga pembolehubah telah berjaya berhubung secara signifikan dengan ROE iaitu pengarah bebas ($B = 0.237$, $t = 4.653$, $p < 0.01$), dualiti ($B = -0.387$, $t = -6.814$, $p < 0.01$) dan modal intelek ($B = 0.534$, $t = 8.956$, $p < 0.01$).

Jadual 4.12
Hubungan antara Pembolehubah Bebas dan ROE

| | B | t | Sig. | Tolerance | VIF |
|-------------------------|----------|----------|-------------|------------------|------------|
| Bilangan Pengarah Bebas | .237 | 4.653 | .015 | .700 | 1.428 |
| Dualiti | -.387 | -6.814 | .000 | .709 | 1.410 |
| Tanggungjawab sosial | .051 | .961 | .338 | .816 | 1.226 |
| Modal Intelek | .534 | 8.956 | .000 | .644 | 1.552 |
| R ² | 0.691 | | | | |
| Adj R ² | 0.682 | | | | |
| F | 75.359 | | | | |
| Sig. | 0.000 | | | | |
| Konstan | 0.000 | | | | |
| Ralat | 0.564 | | | | |

Multicollineariti perlu disemak dalam analisis regresi berganda. Jadual 4.11 dan Jadual 4.12 menunjukkan hasil analisis Multicollineariti. Multicollineariti ditunjukkan dalam nilai-nilai toleransi yang lebih rendah dan nilai faktor inflasi varians (VIF) lebih tinggi (Hair et al., 2010). Multicollineariti wujud apabila nilai toleransi adalah di bawah 0.1 dan VIF adalah lebih besar daripada 10. Hasil dalam Jadual 4.11 dan 4.12 menunjukkan bahawa nilai toleransi adalah lebih besar daripada 0.1 dan VIF adalah lebih rendah daripada 10 dan oleh itu tiada permasalahan Multicollineariti dilaporkan.

Hasil analisis dalam Jadual 4.11 dan Jadual 4.12 telah digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang telah dibangunkan seperti berikut:

H1a: Bilangan pengarah bebas memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat (ROA).

H1b: Bilangan pengarah bebas memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat (ROE).

H1c: Pemisahan peranan pengerusi dan ketua pegawai eksekutif memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat (ROA).

H1d: Pemisahan peranan pengerusi dan ketua pegawai eksekutif memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat (ROE).

H2a: Tangungjawab Sosial Korporat tidak memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat (ROA).

H2b: Tangungjawab Sosial Korporat tidak memberi kesan yang signifikan keatas prestasi syarikat (ROE).

